

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA DI PUTRAJAYA**

**(BIDANGKUASA RAYUAN)**

**RAYUAN SIVIL NO. P-03-168-2006**

**ANTARA**

**NEOH HONG SANG  
T/A NEOH HONG SANG CONTRACTOR           ...           PERAYU**

**DAN**

**LYE WENG ENTERPRISE SDN BHD           ...           RESPONDEN**

[Dalam Perkara Mengenai Mahkamah Tinggi Malaya  
Di Pulau Pinang Guaman Sivil No. 22-169-1991

Antara

Neoh Hong Sang  
T/a Neoh Hong Sang Contractor           ...           Plaintif

Dan

Lye Weng Enterprise Sdn Bhd           ...           Defendan]

Coram:

Mokhtar Sidin, J.C.A.  
Mohd Ghazali Mohd Yusoff, J.C.A.  
Zulkefli Ahmad Makinudin, J.C.A.

## **JUDGMENT OF THE COURT**

The appellant was the plaintiff in the court below. He filed a Writ and Statement of Claim against the respondent on 25<sup>th</sup> June 1991. The respondent filed their Statement of Defence on 12<sup>th</sup> August 1991. On 27<sup>th</sup> February 2006 the respondent filed a Summons in Chambers to strike out the Writ and Statement of Claim of the appellant. In that application the respondent prayed for the following orders:

- “(1) Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff terhadap Defendan tersebut di atas dibatalkan selaras dengan:
- (a) Aturan 18 kaedah 19(1)(b) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980; atau
  - (b) Aturan 18 kaedah 19(1)(d) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980; atau
  - (c) Bidang kuasa sedia ada Mahkamah Yang Mulia ini.
- (2) Kos permohonan ini dan tindakan ini ditaksir dan dibayar oleh Plaintiff kepada Defendan;
- (3) Mana-mana perintah lain atau relief selanjutnya sebagaimana Mahkamah ini mungkin anggap wajar.

Alasan-alasan bagi menyokong permohonan ini setakat perenggan 1(a), (b) dan (c) di atas ada dinyatakan dalam Afidavit Sokongan Defendan yang diikrarkan oleh Ooi Bee

Hong dan difailkan dalam tindakan ini tetapi secara ringkas alasan-alasan menyokongnya adalah seperti berikut:

- a. Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff adalah remeh dan menyusahkan;
- b. Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff adalah penyalahgunaan proses Mahkamah.”

In support or in objecting to the application several affidavits were filed by the parties. On 17<sup>th</sup> October 2006, the learned judge allowed the respondent’s application and struck off the Writ and Statement of Claim of the appellant. Being dissatisfied with that decision the appellant appealed to this Court.

Since this is an application to strike out the appellant’s Writ and Statement of Claim we will refer to the Statement of Claim which reads:

- “1. Plaintiff adalah pemilik tunggal sebuah firma yang dikenali sebagai Neoh Hong Sang Contractor. Plaintiff adalah kontraktor dalam bidang pembinaan perumahan dan juga menjalankan kerja-kerja lain.
2. Defendan adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia.
3. Pada bulan Ogos 1990, seorang yang bernama Ooi Ah Leng telah bertemu dengan plaintiff dan bertanya samada

plaintif ingin mengambil satu kontrak berkenaan dengan pembinaan perumahan. Plaintiff telah menunjukkan minat terhadap kontrak tersebut.

4. Dalam bulan Ogos 1990, Ooi Ah Leng telah memperkenalkan plaintiff kepada seorang Pengarah defendan yang bernama Ooi Choon Lye. Mereka telah membincangkan tentang kerja-kerja kontrak di sebidang tanah yang dikenali sebagai Lot No. 8147 Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah. Plaintiff telah diberi satu plan (layout) yang diluluskan dan defendan telah meminta plaintiff untuk memberi sebutan harga (quotation) bagi membina 240 unit rumah iaitu 230 unit rumah semi detached dan 10 unit kedai dua tingkat.

5. Pada atau disekitar pertengahan bulan September 1990 plaintiff telah bertemu dengan Ooi Choon Lye di pejabat defendan dan memberi sebutan harga sebanyak \$4,580,000.00 untuk kerja-kerja tersebut.

6. Pada 27hb September, 1990 defendan telah menawarkan kerja-kerja kontrak tersebut kepada plaintiff untuk harga kontrak sebanyak \$4,550,000.00 setelah memotong \$30,000.00 dari harga sebutan plaintiff. Plaintiff telah bersetuju terhadap pemotongan \$30,000.00 dan menerima kontrak tersebut bagi harga kontrak sebanyak \$4,550,000.00.

7. Plaintiff mengatakan bahawa defendan adalah kontraktor utama skim perumahan diatas tanah tersebut dan plaintiff telah diberi kontrak kecil (sub-contract) bagi skim tersebut oleh defendan.

8. Butir-butir kerja yang diberi oleh defendan kepada plaintif dan yang diterima oleh plaintif adalah seperti berikut:

To supply material, labour and equipments for the construction and completion of 230 units semi-detached house at \$13,500.00 per unit	\$3,105,000.00
To supply material, labour and equipments for the construction and completion of 10 units shophouse at \$42,000.00 per unit.	\$ 420,000.00
To supply material, labour and equipments for the construction and completion of roadworks as per drawings.	\$ 370,000.00
To supply material, labour and equipments for the construction of external drainage and water-reticulation as per drawings.	\$ 210,000.00
To supply material, labour and equipments for the construction of 2 units vater storage tanks as per drawings	\$ 415,000.00
Workmen compensation, fire & theft insurance. worker's quarter, canteen and store.	\$ 30,000.00
	\$4,550,000.00

9. Anak perempuan Ooi Ah Leng yang bernama Nancy Ooi bekerja di pejabat defendan sebagai setiausaha syarikat defendan.

10. Pada 27hb September, 1990 apabila perjanjian lisan telah dicapai diantara kedua-dua pihak, defendan telah mengarah Nancy Ooi untuk menaip satu surat berkenaan dengan perjanjian lisan tersebut. Encik Ooi Choon Lye telah meminta Nancy Ooi untuk menandatangani surat tersebut. Plaintif dan Nancy Ooi telah menandatangani surat tersebut (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “perjanjian tersebut”) pada 27hb

September, 1990 di pejabat defendan. Plaintiff mengatakan bahawa Nancy Ooi telah menandatangani perjanjian tersebut bagi pihak defendan sebagai ejen defendan.

11. Pada 29hb September, 1990 plaintiff telah memberi kontrak kecil untuk membina stor, pejabat tapak (site office), canteen serta rumah-rumah pekerja kepada kontraktor kecil yang bernama Boo Yan Chuan untuk harga sebanyak \$15,532.00.

12. Bahan-bahan pembinaan untuk kerja-kerja yang disebutkan dalam perenggan 11 diatas telah dibeli oleh Boo Yan Chuan. Kontraktor kecil itu juga dilantik oleh plaintiff untuk membuat kerja-kerja masonry dan pertukangan kayu (carpentry) dan telah dibayar \$18,305.50.

13. Plaintiff telah menggaji pekerja-pekerja untuk mengecat pejabat. Beliau juga menggaji seorang kerani dan seorang pengawal.

14. Plaintiff juga melantik/menggaji orang-orang berikut untuk tujuan-tujuan spesifik:

- (a) Seorang kontraktor kecil yang bernama Hoo Kim Yan untuk membuat batu-bata simen dan telah membayarnya wang sejumlah \$7,325.00;
- (b) Seorang kontraktor kecil yang bernama Tan Choon Huat untuk membuat kerja sebagai membengkokkan besi dan membayarnya wang sejumlah \$16,960.00;

- (c) Seorang kontraktor kecil yang bernama Mok Chee Keong untuk membuat kerja 'masonry' dan membayarnya wang sejumlah \$8,500.00;
- (d) Seorang kontraktor kecil yang bernama Yong Yaw Men bagi kerja-kerja pertukangan kayu dan membayarnya wang sejumlah \$1,605.00;
- (e) Seorang kontraktor kecil yang bernama Chan Chik Yang untuk kerja-kerja masonry dan pertukangan kayu dan membayarnya wang sebanyak \$13,550.00;
- (f) Seorang kontraktor kecil yang bernama Tan Boon Heng untuk membuat kerja masonry dan membayarnya wang sebanyak \$3,350.00;
- (g) Dua orang yang bernama Kong Yoon Ching dan Chong Peng Tong untuk membuat kerja-kerja penggalian (excavation) dan telah membayar gaji harian sebanyak \$4,300.00 dan \$8,950.00 masing-masing.

15. Pada 1hb November, 1990 plaintiff telah meminta progress payment sebanyak \$82,250.00 daripada defendant. Pada 7hb November, 1990 defendant telah memberi cek bertarikh 8hb November, 1990 yang bernilai \$45,000.00. Defendant telah memotong wang sebanyak \$37,250.00 iaitu wang pendahuluan yang dibayar oleh defendant bagi pihak plaintiff kepada pembekal-pembekal bahan-bahan pembinaan.

16. Pada 19hb November, 1990 defendan telah memberi wang pendahuluan sebanyak \$20,000.00 kepada plaintif untuk membolehkan plaintif membayar gaji kepada pekerja-pekerjanya. Pada 30hb November, 1990 plaintif telah meminta progress payment sebanyak \$303,580.00 bagi kerja-kerja yang telah disiapkan. Ini termasuk \$82,250.00 yang disebutkan dalam perenggan 15.

17. Defendan telah membayar wang sebanyak \$68,467.33 pada 10hb Disember, 1990. Defendan telah membuat pemotongan bagi perkara-perkara berikut:

(a)	5% retention	\$15,179.00
(b)	Progress payment pertama & wang pendahuluan	\$65,000.00
(c)	Wang insuran	\$ 8,300.00
(d)	Telefon Atur	\$ 3,233.00
	JUMLAH	\$91,712.00

Defendan memegang baki wang sebanyak \$143,400.67.

18. Sehingga 15hb Januari, 1991 plaintif telah membuat kerja-kerja yang berharga sebanyak \$319,260.00.

19. Walaupun defendan telah memotong wang sebanyak \$37,250.00 untuk apa yang dikatakan sebagai harga bahan-bahan pembinaan, defendan tidak memberi sebarang resit bagi membuktikan perkara ini.

20. Dari harga kerja sebanyak \$319,260.00 plaintif hanya menerima \$136,700.33 (iaitu \$68,467.33+\$65,000+\$3,233.00).

Baki wang yang defendan berhutang kepada plaintif ialah \$182,559.67.

21. Plaintif mengaku bahawa defendan ada membeli bahan-bahan pembinaan oleh kerana defendan boleh memotong bayaran bagi bahan-bahan tersebut dari wang yang terutang olehnya kepada plaintif tetapi plaintif tidak tahu harga bahan-bahan tersebut dan defendan juga tidak memberitahu harga barang-barang binaan yang telah dibeli olehnya.

22. Plaintif juga ada membeli bahan-bahan pembinaan seperti berikut untuk kontrak tersebut:

<u>Bulan</u>	<u>Harga Barang Yang Dibeli</u>
Oktober 1990	\$ 28,512.87
November 1990	\$ 43,424.15
Disember 1990	\$ 14,654.26
JUMLAH	\$ 86,591.28

23. Pada penghujung bulan Disember, 1990 Encik Ooi Choon Lye seorang pengarah dari syarikat defendan telah membuat satu laporan palsu yang mengatakan bahawa plaintif hanya seorang kepala dan bahawa plaintif tidak membayar gaji kepada pekerja-pekerja plaintif.

24. Plaintif telah ditangkap dan ditahan oleh pihak polis selama satu hari di Balai Polis Sungai Petani, Kedah

25. Defendan juga telah membenarkan ejen-ejen/pekerja-pekerjanya masuk ke tapak pembinaan untuk membuat kerja-kerja yang telah dikontrakkan kepada plaintif.

26. Berbagai jenis barang yang menjadi milikan plaintif masih tertinggal di tapak pembinaan tersebut. Mesin-mesin tersebut adalah seperti berikut:

1.	Concrete Mixer 4 Nos. x \$3,600/-	\$ 14,400.00
2.	Bar Bending Cutter Hoe 1 No.	\$ 900.00
3.	Compacter 1 No.	\$ 3,000.00
4.	Robin Engine 1 No.	\$ 700.00
5.	Yamaha Engine 2 Nos.	\$ 1,600.00
6.	Water Pump 1 No.	\$ 400.00
7.	Drain invert mould 15 Nos. x \$50.00	\$ 750.00
8.	Concrete Cork Septic tank 4 Nos. x \$200/-	\$ 800.00
9.	Vibrator 1½” and 1¾” 3 Nos. x \$300/	\$ 900.00
10.	Submersible pump 2 Nos. x \$700/	\$ 1,400.00
	JUMLAH BESAR	\$ 24,850.00

27. Bahan-bahan pembinaan yang berada ditapak pembinaan berharga \$186,648.50.

28. Plaintif sanggup mampu dan sedia mematuhi segala syarat-syarat kontrak tersebut.

29. Sebaliknya pihak defendan telah memungkiri perjanjian tersebut.

30. Defendan adalah sebuah syarikat terhad yang tidak mempunyai harta-harta lain.

31. Plaintif telah mengalami banyak kerugian akibat daripada kemungkiran perjanjian oleh defendan.

32. Jikalau defendan tidak dilarang dengan injunksi defendan ingin dan akan terus memungkir perjanjian tersebut dan

melarang plaintif dari menjalankan kerja-kerja kontrak yang ditawarkan kepadanya.

33. Dan plaintif menuntut seperti berikut:

1. Perlaksanaan spesifik;
2. Injunksi untuk menghalang defendan dengan sendirinya atau pengkhidmatnya atau ejennya dari melantik sesiapa untuk membuat kerja-kerja kontrak yang telah dikontrakkan kepada plaintif;
3. Kerugian untuk kemungkiran kontrak;
4. Satu perintah yang melarang defendan dengan sendirinya atau melalui pengkhidmat atau ejennya dalam sebarang mengganggu, mencampurtangan, menghalang kerja-kerja yang dijalankan oleh plaintif;
5. Satu perintah bahawa defendan membayar plaintif selaras dengan progress payment yang dipersetujui mengikut surat perjanjian bertarikh 27hb September, 1990;
6. Bunga;
7. Kos;
8. Quantum merit;
9. Relief lanjutan atau lain-lain relief.”

The respondent filed their Statement of Defence dated 12.8.1991

which reads as follows:

- “1. Defendan tidak mempunyai apa-apa pengetahuan terhadap kandungan perenggan 1 Pernyataan Tuntutan

- Plaintif dan meletakkan Plaintif kepada bukti teguh terhadap apa yang dinyatakan.
2. Defendan mengaku perenggan 2 Pernyataan Tuntutan dan menyatakan selanjutnya bahawa Defendan adalah sebuah Syarikat dengan tanggungan terhad.
  3. Defendan tidak mempunyai apa-apa pengetahuan terhadap kandungan perenggan 3 Pernyataan Tuntutan Plaintif dan meletakkan Plaintif kepada bukti teguh terhadap apa yang dinyatakan.
  4. Defendan menafikan segala kandungan perenggan 4 Pernyataan Tuntutan Plaintif dan meletakkan Plaintif kepada bukti teguh terhadap apa yang dinyatakan.
  5. Defendan menafikan kandungan perenggan 5 Tuntutan Plaintif dan meletakkan Plaintif kepada bukti teguh terhadap apa yang dinyatakan, sekiranya Plaintif berjumpa dengan Ooi Choon Lye pada tarikh yang dinyatakan (yang dinafikan). Defendan mengatakan bahawa Plaintif telah datang untuk ditemuramah untuk jawatan Pengawas tapak pembinaan di Lot No. 81471 Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah (selepas ini dirujuk sebagai “tapak pembinaan”). Defendan mengatakan bahawa fakta-fakta yang dinyatakan didalam perenggan 5 Pernyataan Tuntutan adalah reka-palsu Plaintif.
  6. Defendan menafikan kandungan perenggan 6 Pernyataan Tuntutan dan fakta-fakta yang dinyatakan. Defendan

mengatakan bahawa fakta-fakta yang dinyatakan didalam perenggan 6 Pernyataan Tuntutan adalah reka-palsu dan meletakkan Plaintiff kepada bukti teguh terhadap apa yang dinyatakan.

7. Melainkan bahawa Defendan telah mendapat satu kontrak untuk skim perumahan ditapak pembinaan, Defendan menafikan perenggan 7 Pernyataan Tuntutan dan meletakkan Plaintiff kepada bukti teguh terhadap apa yang dinyatakan.
8. Defendan menafikan bahawa Defendan memberi butir-butir kerja kepada Plaintiff atau apa-apa butir sepertimana yang dinyatakan diperenggan 8 Pernyataan Tuntutan dan meletakkan Plaintiff kepada bukti teguh terhadap apa yang dinyatakan.
9. Dalam perenggan 9 Pernyataan Tuntutan Defendan mengatakan bahawa Nancy Ooi yang tersebut bekerja dipejabat Defendan sebagai Setiausaha dibawah percubaan dan dari bulan April sehingga November 1991.
10. Defendan menafikan perenggan 10 Pernyataan Tuntutan dan mengatakan bahawa fakta-fakta yang dinyatakan diperenggan 10 tersebut adalah reka-palsu antara Plaintiff dan Nancy Ooi. Defendan menafikan bahawa terdapat satu Perjanjian lisan antara Plaintiff dan Defendan dan

meletakkan Plaintiff kepada bukti teguh terhadap apa yang dinyatakan.

11. Secara alternatif, sekiranya terdapat Perjanjian yang dirujuk, yang dinafikan, sekiranya Nancy Ooi menandatangani Perjanjian tersebut, yang dinafikan. Defendan mengatakan bahawa Nancy Ooi tidak diberi kuasa oleh Defendan untuk menandatangani apa-apa Perjanjian.
12. Defendan tidak mempunyai apa-apa pengetahuan terhadap fakta-fakta yang dinyatakan diperenggan 11, 12, 13 dan 14 Pernyataan Tuntutan dan meletakkan Plaintiff kepada bukti teguh terhadap apa yang dinyatakan.
13. Melainkan bahawa satu cek bertarikh 8hb November 1990 bernilai \$45,000/- telah diberi oleh Defendan kepada Plaintiff, Defendan menafikan perenggan 15 Pernyataan Tuntutan dan meletakkan Plaintiff kepada bukti teguh apa yang dinyatakan. Defendan mengatakan bahawa wang yang bernilai \$45,000/- diberi kepada Plaintiff atas amanahnya untuk dibahagikan sebagai gaji kepada pekerja-pekerja Defendan dan bayaran kepada pembekal-pembekal Defendan.
14. Melainkan bahawa satu cek bertarikh 19hb November 1990 untuk sejumlah \$20,000/- diberi oleh Defendan kepada Plaintiff atas amanah untuk dibahagikan kepada pekerja-pekerja dan pembekal-pembekal Defendan, Defendan menafikan perenggan 16 Pernyataan Tuntutan

dan meletakkan Plaintiff kepada bukti teguh terhadap apa yang dinyatakan.

15. Melainkan bahawa satu cek bertarikh 10hb Disember 1990 untuk sejumlah \$68,467.33 diberi oleh Defendan kepada Plaintiff atas amanah untuk dibahagikan kepada pekerja dan pembekal Defendan, Defendan menafikan perenggan 17 Pernyataan Tuntutan dan meletakkan Plaintiff kepada bukti teguh terhadap apa yang dinyatakan.
16. Defendan menafikan perenggan 18, 19 dan 20 Pernyataan Tuntutan Plaintiff dan meletakkan Plaintiff kepada bukti taguh terhadap apa yang dinyatakan.
17. Defendan tidak mempunyai pengetahuan terhadap apa yang dinyatakan diperenggan 21 dan 22 Pernyataan Tuntutan dan meletakkan Plaintiff kepada bukti teguh. Defendan mengatakan bahawa kesemua bahan-bahan pembinaan dibayar oleh Syarikat.
18. Dalam menjawab perenggan 23 Pernyataan Tuntutan Defendan mengatakan satu laporan polis telah dibuat tetapi menafikan ianya adalah laporan palsu.
19. Defendan tidak mempunyai apa-apa pengetahuan terhadap kandungan perenggan 24 Pernyataan Tuntutan dan meletakkan Plaintiff kepada bukti kukuh.
20. Dalam menjawab perenggan 25 Pernyataan Tuntutan, Defendan menafikan bahawa kerja-kerja tersebut

dikontrakkan kepada Plaintiff dan mengatakan bahawa pekerja-pakerja Defendan berhak menjalankan tugas mereka ditapak pembinaan.

21. Defendan menafikan perenggan 26, 27, 28 dan 29 Pernyataan Tuntutan Plaintiff dan meletakkan Plaintiff kepada bukti teguh terhadap apa yang dinyatakan.
22. Defendan menafikan perenggan 30 dan mengatakan bahawa ia mempunyai harta-harta lain selain daripada yang dinyatakan didalam Pernyataan Tuntutan Plaintiff.
23. Defendan menafikan perenggan 31, 32 dan 33 Pernyataan Tuntutan dan meletakkan Plaintiff kepada bukti teguh terhadap apa yang dinyatakan. Defendan menafikan bahawa Plaintiff berhak menuntut butir-butir tuntutan seperti yang dinyatakan diperenggan 33.
24. Kecuali sebagaimana yang diakui dengan nyata terdahulu daripada ini, Defendan menafikan setiap dan tiap-tiap pernyataan yang terkandung dalam Pernyataan Tuntutan itu seolah-olah ia dinyatakan didalam ini dan disangkal dengan khususnya.
25. Defendan memohon tuntutan Plaintiff dibatalkan dengan kos.”

On 27.2.2006 the respondent filed the application to strike out the Writ and Statement of Claim.

The affidavit in support of the application was affirmed by one Ooi

Bee Hong (NRIC 670109-07-5106) who stated as follows:

- “1. Saya adalah seorang Pengarah Defendan dan diberi kuasa sewajarnya oleh Defendan untuk mengikrar Afidavit ini untuk dan bagi pihaknya kecuali sebagaimana dinyatakan di sebaliknya dan fakta-fakta yang dideposkan dalam Afidavit ini adalah benar setakat pengetahuan, maklumat dan kepercayaan terbaik saya, dan/atau daripada rekod-rekod Defendan kepada mana saya mempunyai akses penuh dan tidak terbatas.
2. Saya mengikrarkan afidavit bagi menyokong permohonan Defendan melalui Saman Dalam Kamar di bawah Aturan 18 Kaedah 19(1)(b), (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 serta bidang kausa sedia ada Mahkamah Mulia ini.
3. Saya tidak berniat untuk menyentuh persoalan undang-undang yang ditimbulkan oleh permohonan ini kerana saya dinasihati oleh peguamcara Defendan dan saya sesungguhnya percaya bahawa ini adalah perkara untuk penghujahan oleh kaunsel.
4. Saya pohon izin merujuk kepada Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff bertarikh 25.6.1991 dan Pembelaan Defendan bertarikh 12.8.1991. Sekarang dikemukakan kepada saya dan ditanda sebagai ekshibit “OBH-1” adalah ikatan pliding yang mengandungi kedua-dua pliding yang disebut di atas.
5. Saya merujuk kepada Pernyataan Tuntutan Plaintiff. Saya dinasihati peguamcara Defendan bahawa tuntutan Plaintiff berasaskan satu perjanjian yang dikata telah kononnya mengikat Plaintiff dan Defendan. Keseluruhan relif yang dipohon oleh Plaintiff berpunca daripada ataupun berasaskan perjanjian tersebut yang dihuraikan dalam perenggan 10 Pernyataan Tuntutan. Kini saya kemukakan dan tanda sebagai ekshibit “OBH-2” adalah

sesalinan perjanjian yang dikata itu. Saya memperolehi ekshibit “OBH-2” daripada afidavit-afidavit terdahulu Plaintiff yang telah difailkan dalam tindakan ini.

6. Dalam perenggan 10 Pernyataan Tuntutan, Plaintiff memplidkan bahawa pada 27.9.1990 Plaintiff dan Defendan telah menandatangani satu perjanjian di mana ianya telah ditandatangani oleh Plaintiff bagi pihaknya sendiri dan oleh Defendan melalui seorang pekerja Defendan yang bernama Nancy Ooi selaku ejen Defendan.
7. Di dalam perenggan 10 dalam Pembelaan, Defendan menafikan bahawa Defendan telah menandatangani perjanjian tersebut. Defendan turut menafikan bahawa Nancy Ooi menandatangani perjanjian yang dikata sebagai ejen.Defendan. Tambahan pula dalam perenggan 11 Pembelaan, Defendan turut menafikan bahawa Nancy Ooi, yang pada ketika itu seorang setiausaha dibawah percubaan, mempunyai sebarang kuasa untuk menandatangani sebarang perjanjian bagi pihak atau sebagai ejen Defendan.
8. Saya pohon izin merujuk kepada perjanjian yang dikata itu (ekshibit “OBH-2”). Plaintiff tidak dapat menafikan fakta-fakta yang berikut berkenaan dengan perjanjian yang dikata itu:
  - 8.1 Ianya tidak bertarikh;
  - 8.2 Ianya tidak ditandatangani oleh mana-mana pengarah Defendan;
  - 8.3 Ianya tidak mempunyai tarikh permulaan atau pun tarikh penyudahan kerja-kerja yang di kata.
  - 8.4 Ianya langsung tidak menamakan mana-mana pihak.
  - 8.5 Ianya langsung tidak mempunyai pelan bangunan atau lakaran jurutera atau sebarang spesifikasi.

9. Saya sesungguhnya percaya bahawa Plaintiff hanya bergantung kepada plidingnya bahawa seorang “ejen” Defendan telah menandatangani perjanjian yang dikata itu bagi pihak Defendan. Menurut Plaintiff, “ejen” tersebut adalah kononnya Nancy Ooi. Saya dinasihati peguamcara Defendan dan sesungguhnya percaya bahawa sekiranya terbukti bahawa Nancy Ooi tidak menandatangani Perjanjian tersebut sebagai “ejen” Defendan, maka tuntutan Plaintiff akan gagal sama sekali. Ini adalah kerana tanpa satu perjanjian yang mengikat Defendan, Plaintiff tidak mempunyai sebarang kausa tindakan yang munasabah terhadap Defendan.
10. Saya percaya bahawa terdapat keterangan yang tidak dapat disangkal yang membuktikan bahawa pembelaan Defendan, seperti mana yang dihuraikan dalam perenggan 10 dan 11 Pembelaan, adalah benar-benar belaka dari segi fakta dan undang-undang.
11. Saya turut percaya bahawa keterangan tersebut adalah keterangan yang telah diberikan oleh Nancy Ooi dibawah sumpah/ikrar dan keterangan Nancy Ooi telah diberikan bagi pihak Plaintiff dan tambahan pula telah digunapakai oleh Plaintiff di dalam tindakan ini.
12. Pertama sekali, saya pohon izin merujuk kepada affidavit Nancy Ooi yang telah diikrarkan pada 12.5.1991 dan difailkan di dalam tindakan ini. Affidavit Nancy Ooi bertarikh 12.5.1991 ditunjukkan kepada saya dan ditanda sebagai ekshibit “OBH-3”.
13. Di dalam perenggan 8 affidavit Nancy Ooi bertarikh 12.5.1991 Nancy Ooi memberi keterangan yang berikut:  
  
Selepas itu Encik Ooi Choon Lye telah meminta saya untuk menandatangani sebagai saksi bahawa Encik Neoh Hong Sang telah bersetuju dan menerima sebut harga untuk projek tersebut. Saya telah tandatangani surat tersebut.

14. Afidavit Nancy Ooi telah difailkan bagi Pihak Plaintiff dan telah diguna dan dibaca dalam tindakan ini oleh Plaintiff. Afidavit Nancy Ooi telah difailkan oleh peguamcara Plaintiff sendiri.
15. Afidavit Nancy Ooi itu telah diikrarkan dalam masa 8 bulan dari tarikh kejadian tersebut pada 27.9.1990, iaitu tarikh perjanjian yang dikata itu kononnya ditandatangani.
16. Tambahan pula pada 12.5.1991, bapa Nancy Ooi, En Ooi Ah Leng, telah mengikrarkan satu afidavit mengesahkan segala kenyataan dan fakta yang telah diikrarkan oleh Nancy Ooi di dalam Afidavit Nancy Ooi bertarikh 12.5.1991. Afidavit Ooi Ah Leng ditunjukkan kepada saya dan ditanda sebagai ekshibit "OBH-4". Nancy Ooi didalam perenggan 8 afidavitnya yang bertarikh 12.5.1991 telah mengatakan bahawa bapanya hadir semasa perjanjian yang dikata tersebut kononnya ditandatangani.
17. Afidavit Ooi Ah Leng telah difailkan bagi pihak Plaintiff dan telah diguna dan dibaca dalam tindakan ini oleh Plaintiff. Afidavit Ooi Ah Leng telah difailkan oleh peguamcara Plaintiff sendiri.
18. Seperti Afidavit Nancy Ooi, Afidavit Ooi Ah Leng juga telah diikrarkan dalam masa 8 bulan dari tarikh kejadian tersebut pada 27.9.1990, iaitu tarikh perjanjian yang dikata itu kononnya ditandatangani.
19. Melalui satu afidavit tambahan yang diikrarkan oleh Nancy Ooi pada 31.10.1991, Nancy Ooi telah berikrar bahawa segala keterangan beliau dalam afidavit dahulu beliau yang telah diikrarkan pada 12.5.1991 adalah benar-benar belaka. Afidavit Nancy Ooi yang bertarikh 31.10.1991 ditunjukkan kepada saya dan ditanda sebagai ekshibit "OBH-5".
20. Didalam perenggan 8 afidavit Nancy Ooi bertarikh 31.10.1991, Nancy Ooi berikrar bahawa:

**“Pendek kata saya dengan sungguh ikhlas katakan bahawa apa yang saya ikrarkan dalam affidavit saya bertarikh 12/5/1991 adalah benar belaka.”**

21. Maka setakat 31.10.1991, Nancy Ooi masih berpendirian bahawa beliau telah menandatangani perjanjian yang dikata sebagai saksi sahaja dan bukan sebagai ejen Defendan.
22. Affidavit Nancy Ooi telah difailkan bagi pihak Plaintiff dan telah diguna dan dibaca dalam tindakan ini oleh Plaintiff. Affidavit Ooi Ah Leng telah difailkan oleh peguamcara Plaintiff sendiri.
23. Tambahan pula Nancy Ooi pernah didakwa dibawah sekeyen 193 Kanun Keseksan di hadapan Mahkamah Majistret Georgetown dalam kes tangkap 83-1379-1991.
24. Sebelum itu, pada 5.12.1991 Nancy Ooi telah memberi keterangan kepada pihak polis dan keterangan beliau telah direkodkan sebagai Percakapan Dalam Pemeriksaan sebagai orang yang disyaki. Pemeriksaan Dalam Percakapan tersebut ditunjukkan kepada saya dan di tanda sebagai ekshibit “OBH-6”.
25. Di dalam percakapan dalam pemeriksaan Nancy Ooi telah berkata seperti yang berikut:

**“Saya telah diarahkan untuk turunkan tandatangan saya dalam Perjanjian tersebut bersama Mr. Neoh yang mana alasan Mr. Ooi adalah saya sebagai saksinya.”**
26. Di dalam Percakapan dalam Pemeriksaan yang sama, Nancy Ooi telah sekali lagi mengesahkan bahawa apa yang telah diikrarkan dalam affidavit beliau bertarikh 12.5.1991 yang sebenarnya berlaku dan benar.
27. Saya dinasihati peguamcara Plaintiff bahawa keterangan-keterangan yang diperihalkan di atas adalah kesemuanya keterangan saksi Plaintiff dan kesemuanya malainkan

Percakapan Dalam Pemeriksaan, telah difailkan ke dalam tindakan ini sebagai bagi pihak Plaintiff

28. Plaintiff tidak dapat menyangkal keterangan Nancy Ooi. Nancy Ooi, saksi Plaintiff, telah memberi keterangan di bawah sumpah bahawa beliau tidak menandatangani ekshibit OBH-2 sebagai “ejen” Defendan. Plaintiff telah memfailkan dan menggunakan keterangan Nancy Ooi di dalam prosiding di dalam Mahkamah Mulia ini. Plaintiff kini terikat dengan keterangan saksinya sendiri seperti mana Plaintiff juga terikat dengan plidingnya sendiri. Ini jelas merupakan satu pengakuan oleh dan bagi pihak Plaintiff
29. Atas alasan-alasan demikian, saya dengan hormatnya memohon satu perintah sepertimana dipohon dalam permohonan Defendan.”

The affidavit in reply of the appellant was affirmed on 3.4.2006 by the appellant himself which stated:

- “1. Saya adalah Plaintiff dalam tindakan ini.
- 2’ Segala-gala fakta yang dideposkan dalam afidavit ini adalah dalam pengetahuan saya sendiri, dari dokumen-dokumen yang berada dalam milikan saya dan dari nasihat peguam saya.
3. Saya merujuk kepada afidavit oleh Ooi Bee Hong yang telah di ikrarkan pada 24hb Februari, 2006 yang difailkan untuk Lampiran 163 (kemudian dirujuk sebagai afidavit tersebut).
4. Berkenaan dengan perenggan 1 afidavit tersebut saya katakan bahawa Puan Ooi Bee Hong langsung tidak mempunyai apa-apa pengetahuan berkenaan dengan kes ini. Semua perbincangan untuk perjanjian antara saya dan Defendan di adakan dengan Encik Ooi Choon Lye yang kini uzor.

5. Berkenaan dengan perenggan 4 afidavit tersebut saya katakan bahawa segala kenyataan dalam Pernyataan Tuntutan saya bertarikh 25.6.1991 adalah benar belaka. Saya juga menerima pakai afidavit saya bertarikh 20.6.1991 dan juga afidavit Cik Nancy Ooi bertarikh 12.5.1991 dan Encik Ooi Ah Leng yang bertarikh 12.5.1991 yang jelas menunjukkan bahawa tuntutan saya adalah bermerit dan benar.
6. Berkenaan dengan perenggan 5 afidavit tersebut saya katakan bahawa terdapat perjanjian yang sah antara saya dan Defendan melalui Encik Ooi Choon Lye dalam kehadiran Cik Nancy Ooi dan Encik Ooi Ah Leng yang telah di turunkan dalam tulisan seperti dalam OBH-2 yang telah di terjemahkan oleh anak Encik Ooi Choon Lye dalam bahasa Cina yang dibuat oleh saya ke dalam bahasa Inggeris iaitu Eksibit OBH-2. Setelah OBH-2 dibuat Encik Ooi Choon Lye telah berjanji untuk membuat perjanjian resmi tetapi gagal buat demikian. Sekarang saya tahu bahawa cara ini adalah untuk menipu saya dan cara atau “modus operandi” ini telah di gunakan oleh Encik Ooi Choon Lye terhadap orang lain pun.
7. Berkenaan dengan perenggan 6 afidavit tersebut saya katakan bahawa perenggan 10 Pernyataan Tuntutan adalah benar belaka dan saya akan buktikan perkara ini pada masa perbicaraan.
8. Berkenaan dengan perenggan 7 afidavit tersebut saya katakan bahawa kandungan perenggan 7 dan perenggan 10 pembelaan adalah tidak benar.
9. Berkenaan dengan perenggan 8 afidavit tersebut saya katakan bahawa Encik Ooi Choon Lye telah mengarahkan setiausaha beliau Cik Nancy Ooi untuk menandatangani perjanjian tersebut dan perkara-perkara lain harus di putus dalam perbicaraan nanti. Encik Ooi Choon Lye juga telah bekalkan pelan kepada saya untuk membuat sebut harga (quotation) dan saya telah buat demikian.

10. Berkenaan dengan perenggan 9 afidavit tersebut saya katakan bahawa apa yang saya plidkan adalah benar belaka dan saya akan membuktikannya. Sekarang saya sedar bahawa Encik Ooi Choon Lye telah gunakan cara ini sebagai satu helah untuk tujuan menipu. Saya di nasihati oleh peguam saya Encik Gurbachan Singh, nasihat yang mana saya mempercayai bahawa satu perjanjian secara lisan pun adalah sah dari segi undang-undang dan Defendan telah buat sebahagian bayaran yang berjumlah RM65,000.00 untuk perjanjian tersebut. Bersama-sama ini saya kepilkan 2 keping cek-cek yang ditanda sebagai Eksibit “A” yang dikeluarkan oleh Defendan dan ditandatangani oleh Encik Ooi Choon Lye.
11. Saya dengan tegas menafikan perenggan 10 afidavit tersebut dan sebaliknya katakan bahawa terdapat dokumen-dokumen yang akan menunjukkan bahawa pihak Defendan tidak cakap benar. Saya kepilkan salinan fotostat 3 keping Sijil Insuran yang didapatkan oleh Defendan untuk saya sebagai “subcontractor” yang di tanda sebagai Eksibit “B”.
12. Berkenaan dengan perenggan-perenggan 12-22 afidavit tersebut saya katakan bahawa apa yang di katakan oleh Cik Nancy Ooi dan Encik Ooi Ah Leng dalam OBH-3, OBH-4 dan OBH-5 adalah benar.
13. Berkenaan dengan perenggan 23 afidavit tersebut saya katakan bahawa Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah membebaskan dan melepaskan Cik Nancy Ooi daripada tuduhan di bawah Seksyen 193 Kanun Keseksaan.
14. Berkenaan dengan perenggan-perenggan 24–28 afidavit tersebut saya katakan bahawa terpulanglah kepada Mahkamah Mulia ini untuk menentukan samada Cik Nancy Ooi tandatangani perjanjian tersebut sebagai saksi atau sebagai ejen atau kedua-duanya.
15. Saya juga katakan bahawa Encik Ooi Choon Lye pernah mengaku diatas sumpah bahawa saya bukanlah seorang kepala untuk Defendan. Bersama-sama ini saya kepilkan

salinan Nota Keterangan Encik Ooi Choon Lye yang berkenaan yang ditanda sebagai Eksibit “C”.

16. Saya kepilkan salinan-salinan fotostat keratan-keratan surat khabar bertarikh 24.6.1969, 8.3.1970 dan 12.12.1970 yang menunjukkan perenggan Encik Ooi Choon Lye sebagai Eksibit “D”.
17. Saya katakan bahawa permohonan Lampiran 163 dibuat terlalu lewat kerana tuntutan telah di failkan pada tahun 1991 dan tarikh-tarikh perbicaraan telah ditetapkan dan “case management” juga telah dibuat dan dokumen-dokumen telah difailkan. Baru-baru ini pada 10.2.2006 Defendan telah memohon dan mendapat perintah bahawa keterangan Encik Ooi Choon Lye di rekodkan di rumah beliau.
18. Saya pohon bahawa permohonan Defendan dalam Lampiran 163 di tolak dengan kos.”

The respondent filed an affidavit in reply to the affidavit filed by the appellant above and that affidavit was affirmed by Ooi Bee Hong on 17.4.2006:

- “1. Saya adalah seorang Pengarah Defendan dan diberi kuasa sewajarnya oleh Defendan untuk mengikrar Afidavit ini untuk dan bagi pihaknya. Kecuali sebagaimana dinyatakan di sebaliknya dan fakta-fakta yang dideposkan dalam Afidavit ini adalah benar setakat pengetahuan, maklumat dan kepercayaan terbaik saya, dan/atau daripada rekod-rekod Defendan kepada mana saya mempunyai akses penuh dan tidak terbatas.
2. Saya mengikrarkan Afidavit Balasan Defendan bagi menyokong permohonan Defendan melalui Saman Dalam Kamar di bawah Aturan 18 Kaedah 19(1) (b), (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 serta bidang kuasa sedia ada Mahkamah Mulia ini. Saya turut

mengikrarkan Afidavit Balasan Defendan untuk menjawab Afidavit Jawapan Plaintiff yang diikrarkan oleh Plaintiff pada 3.4.2006.

3. Terlebih dahulu saya dinasihatkan oleh peguamcara Defendan, nasihat yang mana saya percayai sebagai benar, bahawa Afidavit Jawapan Plaintiff telah difailkan di luar masa dan ini merupakan satu tidak kepatuhan kepada Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (“KMT 1980”). Permohonan termeterai Defendan telah disampaikan ke atas peguamcara Plaintiff pada 9.3.2006. Maka tarikh akhir untuk Plaintiff memfailkan afidavit jawapan jatuh pada 23.3.2006. Plaintiff hanya memfailkan dan menyampaikan afidavit jawabannya pada 4.4.2006.
4. Plaintiff gagal memohon untuk lanjutan masa dan tiada sebarang keterangan diikrarkan oleh Plaintiff untuk menjelaskan mengapa Plaintiff gagal mematuhi had masa yang ditetapkan oleh KMT 1980. Defendan memohon supaya afidavit jawapan Plaintiff ditolak oleh Mahkamah Mulia ini.
5. Defendan kini membalas Afidavit Jawapan Plaintiff, tanpa menjejaskan penghujahan serta pendirian Defendan terhadap Afidavit Jawapan Plaintiff.
6. Sebagai jawapan kepada perenggan 4 Afidavit Jawapan Plaintiff, saya menegaskan bahawa permohonan Defendan adalah bersandarkan keterangan dibawah sumpah yang telah dimajukan oleh Plaintiff sendiri di dalam tindakan ini. Saya turut dinasihatkan oleh peguamcara Defendan bahawa permohonan sesama oleh Defendan adalah satu permohonan melibatkan persoalan undang-undang dibawah Aturan 18 kaedah 19(1). Dalam hal yang demikian kandungan perenggan 4 Afidavit Jawapan Plaintiff tidak tepat ataupun relevan.
7. Di dalam perenggan 5 Afidavit Jawapan Plaintiff, Plaintiff telah merujuk kepada dan menerima pakai afidavit Plaintiff yang diikrarkan pada 20.6.1991 dan difailkan

sebelum ini di dalam tindakan ini. Defendan akan turut membaca kandungan afidavit tersebut untuk membuktikan bahawa Plaintiff sendiri telah pernah memberi keterangan bahawa apa jua yang diikrarkan oleh Nancy Ooi dalam afidavit sokongan Plaintiff yang diikrarkan pada 12.5.1991 adalah benar-benar belaka. Di dalam perenggan 10 afidavit Plaintiff yang diikrarkan pada 20.6.1991, Plaintiff memberi keterangan yang berikut:

**“Bersama-sama ini saya sertakan salinan Afidavit Nancy Ooi (ekshibit CI) dan Afidavit Ooi Ah Leng (ekshibit C2) bagi menyokong pernyataan-pernyataan saya.”**

8. Pada 20.6.1991 Plaintiff mengikrarkan bahawa keterangan sumpah Nancy Ooi di dalam afidavit yang diikrarkan pada 12.5.1991 adalah benar dan tepat belaka. Sehingga hari ini Plaintiff masih mengatakan bahawa keterangan sumpah dalam afidavit Nancy Ooi yang diikrarkan pada 12.5.1991 adalah tepat dan benar. Ini jelas daripada kandungan perenggan 5 Afidavit Jawapan Plaintiff.
9. Memandangkan sedemikian, Mahkamah hanya perlu membaca apa dia sebenarnya keterangan sumpah Nancy Ooi, iaitu sama ada beliau menandatangani “Perjanjian tersebut” selaku ejen Defendan (mengikut alegasi Plaintiff) ataupun beliau sebenarnya hanya menyaksikan sahaja seperti mana keterangan sumpah beliau. Plaintiff sendiri telah mengesahkan bahawa keterangan sumpah Nancy Ooi adalah tepat, benar dan beliau menerima pakainya. Sesungguhnya, keterangan Nancy Ooi tidak disangkal.
10. Perenggan 6 afidavit Plaintiff adalah satu cubaan untuk menokok tambah pliding Plaintiff dalam Pernyataan Tuntutannya. Ini jelas membuktikan bahawa Plaintiff kini sedang menukar corak (character) tuntutan semata-mata untuk membela permohonan Defendan kini.

11. Dalam perenggan 6 Afidavit Jawapan Plaintiff, Plaintiff mengatakan bahawa anak En. Ooi Choon Lye telah menterjemahkan “Perjanjian” tersebut. Sebaliknya Nancy Ooi dalam afidavitnya yang diikrarkan pada 12.5.1991 memberi keterangan bahawa En. Ooi Choon Lye sendiri yang telah membuat penterjemahan. Saya pohon izin merujuk kepada perenggan 6 afidavit Nancy Ooi yang telah diekshibitkan sebagai ekshibit OBH-3 kepada Afidavit Sokongan Defendan yang diikrarkan oleh saya pada 24.2.2006. Saya percaya percanggahan-percanggahan “fakta” ini sering berlaku kerana Plaintiff telah mereka kejadian tersebut.
12. Tambahan pula tuduhan Plaintiff dalam perenggan 6 Afidavit Jawapan Plaintiff terhadap En. Ooi Choon Lye adalah satu fitnah. Jelas niat Plaintiff kini adalah untuk memburukkan nama baik En. Ooi Choon Lye dan untuk memprejudiskan permohonan Defendan dihadapan Mahkamah.
13. Perenggan 9 Afidavit Jawapan Plaintiff dinafikan. Sebagai jawapan kepada perenggan 9 dan 10 Afidavit Jawapan Plaintiff, saya merujuk kembali kepada perenggan 10 Pernyataan Tuntutan Plaintiff sendiri. Ianya adalah kes Plaintiff bahawa Plaintiff menyaman atas “Perjanjian tersebut”. Perkataan “Perjanjian tersebut” dihuraikan oleh Plaintiff dalam perenggan 10 Pernyataan Tuntutan sebagai satu surat yang ditandatangani oleh Plaintiff dan Nancy Ooi kononnya selaku ejen Defendan.
14. Ianya sungguh ketara daripada pliding Plaintiff sendiri Plaintiff menyaman atas Perjanjian bertulis sepertimana yang dihuraikan oleh Plaintiff sendiri. Plaintiff tidak pernah memplidkan bahawa Perjanjian yang dikata itu terdiri daripada sebahagiannya dalam bentuk lisan dan sebahagian lagi dalam bentuk bertulis. Ini bukanlah pliding Plaintiff yang difailkan pada 25.6.1991. Saya dinasihati peguamcara Defendan bahawa Plaintiff terikat dengan plidingnya sendiri dan bahawa itu adalah satu prinsip undang-undang yang mantap.

15. Sebagai jawapan singkat kepada butir-butir bayaran yang dimaju dalam perenggan 10 afidavit jawapan Plaintiff, Defendan mengikrarkan bahawa ianya telah pun dijawab dalam perenggan 13 dan 14 Pembelaan Defendan bertarikh 12.8.1991.
16. Sebenarnya butiran-butiran bayaran tersebut hanya diungkitkan untuk mengkaburkan dan mengelirukan Mahkamah. Isu yang tunggal adalah keterangan Plaintiff dibawah sumpah yang membatalkan kausa tindakan Plaintiff yang dikata. Kesemua keterangan Plaintiff telah diberikan oleh Nancy Ooi bagi pihak Plaintiff dalam bentuk afidavit yang difailkan oleh Plaintiff di dalam tindakan ini. Keterangan Nancy Ooi adalah beliau hanya menyaksikan “Perjanjian tersebut” dan bukan menurut alegasi Plaintiff bahawa Nancy Ooi menandatangani “Perjanjian tersebut” sebagai ejen Defendan.
17. Isu tersebut langsung tidak disangkal oleh Plaintiff dalam mana-mana perenggan dalam afidavit jawapan Plaintiff Tambahan pula dalam perenggan 12 afidavit jawapan Plaintiff, Plaintiff sekali lagi menerima pakai keterangan Nancy Ooi secara keseluruhannya.
18. Pengataan Plaintiff dalam perenggan 11 adalah tidak serasi dengan Pernyataan Tuntutan Plaintiff. Didalam Pernyataan Tuntutan, Plaintiff menyaman atas satu perjanjian bertulis yang dihuraikan sebagai “Perjanjian tersebut”. Plaintiff tidak pernah dalam mana-mana bahagian pernyataan tuntutan memplidkan bahawa “Perjanjian tersebut” turut dibuktikan oleh mana-mana endorsmen kepada sijil insuran.
19. Tambahan pula endorsmen kepada sijil insuran tersebut jelas membuktikan sebaliknya iaitu bahawa Plaintiff bukanlah subkontraktor Defendan. Saya mempelawa Mahkamah Mulia ini untuk meneliti endorsmen kepada sijil insuran tersebut yang diekshibitkan sebagai ekshibit “B” kepada Afidavit Jawapan Plaintiff

20. Saya mengulangi perenggan 8 dan 9 di atas dan saya menegaskan bahawa sehingga kini keterangan oleh saksi Plaintiff sendiri, Nancy Ooi, adalah bahawa beliau tidak pernah menandatangani sebagai ejen Defendan. Keterangan dibawah sumpah Nancy Ooi tersebut dimajukan kepada Mahkamah di dalam prosiding ini oleh Plaintiff sendiri. Sehingga ini keterangan di dalam affidavit-afidavit tersebut serta yang di dalam Percakapan Semasa Pemeriksaan yang dibuat oleh Nancy Ooi kepada Polis tidak dapat disangkal.
21. Sebagai jawapan kepada perenggan 15 Affidavit Jawapan Plaintiff saya dinasihati oleh peguamcara Defendan dan sesungguhnya percaya bahawa:
- 21.1 rujukan kepada nota keterangan dalam prosiding jenayah tidak menjawab atau membela permohonan Defendan.
- 21.2 isu yang tunggal adalah sama ada tuntutan Plaintiff untuk pemungkiran kontrak masih sempurna memandangkan keterangan Plaintiff sendiri membatalkan kewujudan sebarang kontrak dari sisi undang-undang. Sehingga hari ini Plaintiff tidak menyangkal tetapi sebaliknya masih mengatakan bahawa keterangan sumpah Nancy Ooi adalah tepat dan benar belaka.
- 21.3 Adalah tidak wajar bagi Plaintiff memetik satu dua petikan daripada nota keterangan dalam prosiding jenayah untuk digunakan dalam tindakan sivil. Ini bukanlah satu rujukan yang tepat. Petikan tersebut adalah merujuk kepada satu syarikat yang lain. Tambahan pula Plaintiff sengaja telah meninggalkan bahagian lain pada nota-nota keterangan yang sama iaitu mukasurat 277 hingga 278 di mana keterangan lisan En. Ooi Choon Lye yang telah direkodkan oleh Mahkamah adalah bahawa Plaintiff hanyalah “kepala” yang menguruskan pekerja-pekerja ditapak sebagai penyelia. Saya kemukakan bersama-sama ini dan

ditanda sebagai ekshibit “OBH-7” sesalinan mukasurat 277 dan 278 dalam nota-nota keterangan tersebut.

24. Saya dinasihatkan oleh peguamcara Defendan bahawa Ekshibit “D” dalam perenggan 16 Afidavit Jawapan Plaintiff adalah mengaibkan, remeh dan langsung tidak relevan kepada tindakan ini maupun permohonan Defendan. Saya turut dinasihatkan oleh peguamcara Defendan bahawa perenggan 16 afidavit jawapan Plaintiff seharusnya dibatalkan dibawah Aturan 41 kaedah 6. Apa yang diekshibit adalah keratan-keratan akhbar lebih daripada 35 tahun yang lalu yang hanya melaporkan penghujahan oleh seorang peguam dalam kes yang lain. Walauapapun keratan-keratan akhbar tersebut adalah dengar cakap.
25. Sebagai jawapan kepada perenggan 17 Afidavit Jawapan Plaintiff saya menegaskan bahawa tiada tarikh perbicaraan telah ditetapkan oleh Mahkamah Mulia ini. Saya turut menegaskan bahawa Notis Pengurusan Kes tersebut telah difailkan oleh Plaintiff selewat 9.3.2006 iaitu selepas peguamcara Plaintiff disampaikan dengan sesalinan belum meterai permohonan Defendan yang semasa. Jelas bahawa tindakan memfailkan Notis Pengurusan Kes ini adalah satu tindakan yang difikirkan kemudian oleh Plaintiff. Saya dinasihatkan oleh peguamcara Defendan bahawa Plaintiff tidak dapat menggunakan Notis Pengurusan Kes sebagai alasan untuk membela permohonan Defendan dibawah Aturan 18 kaedah 19(1) KMT 1980.
26. Walau apa pun saya turut dinasihatkan oleh peguamcara Defendan bahawa permohonan sesama oleh Defendan adalah satu permohonan melibatkan persoalan undang-undang dibawah Aturan 18 kaedah 19(1).
27. Atas alasan-alasan demikian, saya dengan hormatnya memohon satu perintah sepertimana dipohon dalam permohonan Defendan.”

The reply to the above affidavit is the affidavit dated 2.5.2006 which was affirmed by the appellant himself:

- “1. Saya adalah Plaintiff dalam tindakan ini.
2. Segala-gala fakta yang dideposkan adalah dalam pengetahuan saya sendiri, dari dokumen-dokumen yang berada di dalam milikan saya dan peguamcara saya dan dari nasihat peguam saya.
3. Saya memohon Mahkamah Yang Mulia ini untuk merujuk kepada afidavit sokongan Ooi Bee Hong yang diikrarkarj pada 9.3.2006 (Lampiran 167) (selepas ini di rujuk sebagai “afidavit tersebut”).
4. Berkenaan perenggan 3 afidavit tersebut, saya katakan bahawa permohonan pihak Defendan adalah salah dan tidak sah dari segi undang-undang. Pihak Defendan cuba sedaya upaya untuk mengelakkan perbicaraan guaman ini oleh kerana pihak Defendan sedar bahawa beliau telah menipu saya. Saya dinasihati oleh peguam saya dan saya percaya bahawa Defendan sedang menyalahgunakan proses Mahkamah Yang Mulia ini.
5. Saya juga dinasihatkan oleh peguamcara saya dan percaya sepenuhnya bahawa Aturan 92 Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 tidak terpakai untuk permohonan Defendan.
6. Berkenaan perenggan 5 afidavit tersebut, saya katakan bahawa saya mengakui perenggan 5 dan perenggan 7 afidavit tersebut dan katakan bahawa saya adalah seorang peniaga yang mampu dan berjaya. Saya bukanlah seorang yang miskin. Walau bagaimanapun seorang yang miskin pun boleh buat tuntutan di Mahkamah Yang Mulia ini untuk mendapat keadilan.
7. Berkenaan perenggan 8 afidavit tersebut, alamat di No. 158, Lorong Melati, Bagan Serai Garden, 34300 Bagan Serai , Perak yang ditunjukkan di dalam eksibit “OBH-1”

adalah alamat lama rumah saya dan juga adalah alamat perniagaan lama saya yang lama. Sekarang kediaman saya adalah di No. 26, Jalan Perwira, Taman Bagan Serai, 34300 Bagan Serai, Perak. Ini juga merupakan tempat perniagaan saya sekarang. Rumah kediaman saya di 158, Lorong Melati, Bagan Serai Garden, 34300 Bagan Serai, Perak telah dijual dengan harga RM102,000.00 dan dengan harga penjualan tersebut saya dan isteri saya Tan Ai Hoon telah membeli banglo berkembar (semi-detached banglo) di No 26, Jalan Perwira, Taman Bagan Serai, 34300 Bagan Serai, Perak yang adalah kepunyaan saya dan isteri saya.

8. Berkenaan perenggan 12 dan 13 afidvit tersebut, saya katakan bahawa No. 426, Jetty Road, Bagan Serai adalah alamat perniagaan saya dahulu dan kenderaan Toyota Land Cruiser ACA 7778 adalah kepunyaan saya.
9. Saya menafikan perenggan 14 affidavit tersebut dan katakan bahawa rumah di alamat No. 26, Jalan Perwira, Taman Bagan Serai, 34300 Bagan Serai, Perak adalah kepunyaan saya dan isteri saya yang bernilai lebih kurang RM450,000.00.
10. Saya akui perenggan-perenggan 15,16 dan 17 affidavit tersebut.
11. Berkenaan perenggan 18 affidavit tersebut, saya katakan bahawa ayah Defendan tidak lagi berhak untuk melaksanakan perintah terhadap cost dari segi undang-undang. Selanjutnya pihak Defendan telah “tidur” daripada 24.3.1992 sehingga sekarang iaitu lebih kurang 14 tahun dan selepas 14 tahun mengatakan bahawa permohonan ini perlu di dengar dengan secepat mungkin.
12. Berkenaan perenggan 19 affidavit tersebut, saya percaya Defendan telah merayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar dan rayuan telah ditolak oleh Yang Arif Hakim dengan kos. Gantirugi sebanyak RM1,000.00 adalah kurang dari kos yang perlu dibayar oleh Defendan kepada saya.

13. Berkenaan perenggan 20 dan perenggan 21 affidavit tersebut, saya katakan bahawa pihak Defendan tidak berhak dari segi undang-undang untuk membuat permohonan ini yang dibuat dengan niat jahat dan untuk mengelak keadilan pada saya yang telah ditipu oleh pihak Defendan dengan wang sebanyak lebih kurang RM300,000.00.
14. Saya juga dinasihati oleh peguamcara saya dan percaya bahawa surat di Exhibit "OBH-8" juga tidak sah dari segi undang-undang dan surat yang tidak sah dari segi undang-undang tidak perlu dijawab.
15. Saya pohon bahawa permohonan Defendan dalam Lampiran 168 ditolak dengan kos."

The reply by the appellant is the affidavit affirmed by the appellant on

2.5.2006:

- "1. Saya adalah Plaintiff dalam tindakan ini.
2. Segala-gala fakta yang dideposkan dalam affidavit ini adalah dalam pengetahuan saya sendiri, dari dokumen-dokumen yang berada dalam milikan saya dan dari nasihat peguam saya.
3. Saya merujuk kepada affidavit oleh Ooi Bee Hong bertarikh 17.4.2006 yang di serah kepada peguam saya pada 18.4.2006 (kemudian di rujuk sebagai affidavit tersebut).
4. Berkenaan dengan perenggan 1 affidavit tersebut saya katakan bahawa Ooi Bee Hong langsung tidak mempunyai pengetahuan berkenaan dengan fakta-fakta yang di deposkan dalam affidavit tersebut. Saya cabar Ooi Bee Hong untuk membuktikan bahawa beliau mempunyai pengetahuan sendiri. Saya katakan semua affidavit-affidavit Ooi Bee Hong adalah cacat dari segi undang-undang dan saya akan membantah terhadap

semua affidavit-afidavit beliau. Hanya Ooi Choon Lye, bapa kepada Ooi Bee Hong mempunyai pengetahuan. Saya langsung tidak mengurus dengan Ooi Bee Hong.

5. Saya menafikan perenggan 6 affidavit tersebut. Saya sangat hairan mengapa Defendan mengambil 14 tahun untuk sedari soal undang-undang. Saya katakan bahawa Defendan menimbulkan alasan untuk mengelakan perbicaraan dan melengah-lengahkan perbicaraan untuk mengelakan keadilan.
6. Berkenaan dengan perenggan 9 affidavit tersebut saya katakan bahawa affidavit Nancy Ooi dengan jelas menunjukkan bahawa sebenarnya terdapat perjanjian antara Plaintiff dan Defendan.
7. Saya menafikan perenggan 10 affidavit tersebut.
8. Berkenaan dengan perenggan 11 affidavit tersebut saya katakan bahawa jika pun terdapat “minor discrepancy” ianya boleh dijelaskan di Mahkamah semasa perbicaraan dan saya dengan tegas menafikan bahawa saya telah mereka kejadian. Saya tidak berani mereka kejadian dengan Defendan. Pengarah Defendan Encik Ooi Choon Lye selalu menggunakan “modes operandi” seperti digunakan terhadap saya untuk menipu orang.
9. Berkenaan dengan perenggan-perenggan 13 dan 14 affidavit tersebut adalah undang-undang yang jelas yang mengatakan bahawa satu perjanjian boleh dibuat secara lisan atau kelakuan atau pun dalam tulisan atau pun separuh lisan yang di sokong oleh surat menyurat (evidenced by correspondence).
10. Berkenaan dengan perenggan 15 affidavit tersebut saya cabar Defendan untuk menunjukkan penjelasan atau bukti bagaimana jumlah butir-butir bayaran dalam perenggan 10 affidavit saya di capai jika itu bukanlah bayaran kepada saya sebagai “sub-contractor”. Saya juga kepilkan salinan fotostat laporan polis yang di buat oleh pekerja Defendan Encik Mathew Lim sebagai Eksibit

“A” yang jelas menunjukkan bahawa saya adalah di lantik sebagai “sub-contractor” oleh Defendan.

11. Berkenaan dengan perenggan 18 afidavit tersebut adalah undang-undang yang jelas bahawa keterangan tidak diplidkan.
12. Berkenaan dengan perenggan 19 afidavit tersebut saya katakan bahawa apa yang di katakan dalam soalan balas adalah lebih mustahak dan penting.
13. Saya dengan tegas menafikan perenggan 21 afidavit tersebut.
14. Berkenaan dengan perenggan 24 afidavit tersebut saya katakan bahawa perenggan 16 afidavit jawapan saya menunjukkan bukti “modes operandi” Encik Ooi Choon Lye untuk menipu sejak 35 tahun yang lalu sampai sekarang.
15. Saya dengan tegas menafikan perenggan 25 afidavit tersebut dan katakan bahawa kes tersebut telah di tetapkan untuk bicara pada 16.3.2000, 29.11.2000, 2 & 3.10.2001, 24 & 25.6.2003 dan 23.6.2004 tetapi telah ditangguh. Salinan-salinan fotostat surat-surat berkenaan adalah dikepilkan bersasma-sama ini dan ditanda sebagai Eksibit “B”.
16. Selanjutnya pada 10.2.2006 semasa perbicaraan Lampiran 153 Encik Ghazi Ishak telah maklumkan kepada Yang Arif Hakim bahawa perintah pengurusan kes telah di buat oleh Yang Arif Hakim dahulu. Oleh demikian Notis Pengurusan bertarikh 9.3.2006 tidak perlu di dengar. Salinan fotostat surat berkenaan adalah dikepilkan dan ditanda sebagai Eksibit “C”. Ini jelas menunjukkan bahawa Ooi Bee Hong berani bercakap bohong atas sumpah yang adalah kesalahan jenayah iaitu “perjury”.
17. Selanjutnya saya katakan bahawa dokumen-dokumen yang perlu telah difailkan termasuk isu-isu yang akan

dibicarakan. Sesalinan fotostat surat berkenaan adalah dikepilkan dan ditanda sebagai Eksibit “D”.

18. Oleh demikian, saya dengan hormatnya memohon agar permohonan Defendan ditolak dengan kos.”

The final affidavit filed is the second affidavit in reply of the respondent which was affirmed on 5.5.2006:

- “1. Saya adalah seorang Pengarah Defendan dan diberi kuasa sewajarnya oleh Defendan untuk mengikrar Afidavit ini untuk dan bagi pihaknya. Kecuali sebagaimana dinyatakan di sebaliknya dan fakta-fakta yang dideposkan dalam Afidavit ini adalah benar setakat pengetahuan, maklumat dan kepercayaan terbaik saya, dan/atau daripada rekod-rekod Defendan kepada mana saya mempunyai akses penuh dan tidak terbatas.
2. Saya mengikrarkan Afidavit Balasan Kedua Defendan bagi menyokong permohonan Defendan melalui Saman Dalam Kamar di bawah Aturan 18 Kaedah 19(1) (b), (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 serta bidang kuasa sedia ada Mahkamah Mulia ini. Saya turut mengikrarkan afidavit ini untuk menjawab Afidavit Jawapan Plaintiff terbaru yang diikrarkan oleh Plaintiff pada 2.5.2006.
3. Sebagai jawapan kepada perenggan 4 afidavit jawapan Plaintiff saya mengatakan bahawa Plaintiff gagal memahami sifat permohonan semasa Defendan. Saya mengulangi kandungan perenggan 6 Afidavit Balasan Defendan yang diikrarkan oleh saya pada 17.4.2006, sebagai jawapan saya.
4. Saya dinasihati oleh peguamcara Defendan bahawa isu persoalan yang ditimbulkan oleh permohonan semasa Defendan mampu memutuskan keseluruhan tindakan Plaintiff. Saya telah pun menjelaskan latar belakang permohonan Defendan didalam afidavit-afidavit

Defendan yang diikrarkan oleh saya pada 24.2.2006 dan 17.4.2006.

5. Saya turut dinasihati peguamcara Defendan bahawa Plaintiff sekarang sedang beralih untuk menutup kekurangan berkenaan kausa tindakannya. Oleh yang demikian Plaintiff asyik menyentuh mengenai masa dan tidak menjawab isu yang sebenar yang ditimbulkan oleh permohonan Defendan.
6. Perenggan 6 affidavit Jawapan Plaintiff dinafikan. Ianya satu tuduhan belaka tanpa sebarang keterangan.
7. Keterangan-keterangan yang menjadi tunggak dan asas permohonan Defendan adalah keterangan-keterangan sumpah yang diberikan oleh saksi Plaintiff sendiri dan yang difailkan didalam tindakan ini oleh Plaintiff sendiri. Plaintiff kini cuba beralih dengan menggunakan alasan “minor discrepancy”. Selain daripada diatas, tuduhan fitnah dan melulu Plaintiff dalam perenggan 8 dinafikan.
8. Pernyataan dalam perenggan 9 Affidavit Jawapan Plaintiff tidak mencerminkan tuntutan Plaintiff sepertimana yang diplidkan oleh Plaintiff sendiri dalam pernyataan tuntutanannya.
9. Perenggan 10 affidavit jawapan Plaintiff telah melencong daripada isu sebenar permohonan semasa Defendan. Sepatutnya Plaintiff menjawab isu yang ditimbulkan oleh permohonan Defendan dan bukan beralih. Saya menegaskan kandungan perenggan 10 Affidavit Jawapan Plaintiff langsung tidak relevan kepada ataupun menjawab permohonan Defendan.
10. Kandungan perenggan 14 Affidavit Jawapan Plaintiff, adalah satu lagi tuduhan melulu dan fitnah oleh Plaintiff yang sesungguhnya tidak berasas.
11. Saya dinasihati peguamcara Defendan bahawa kandungan perenggan 15 hingga 17 Affidavit Jawapan akan dihujahkan oleh peguamcara Defendan semasa perbicaraan kelak.

12. Bersandarkan alasan-alasan yang telah dikeutarakan dalam affidavit-afidavit Defendan, saya dengan hormatnya memohon satu perintah sepertimana yang dipohon melalui permohonan Defendan.”

The appellant objected to the application by the respondent and filed notice of his intention to use several other affidavits filed for the purpose of Summons in Chambers dated 27.2.2006 (Enc. 163) which is the present appeal and Summons in Chambers dated 9.3.2006 (Enc. 168). The affidavits in respect of Summons in Chambers dated 27.2.2006 have been cited above. For Summons in Chambers dated 9.3.2006 though there were numerous affidavits filed by the appellant we find that the relevant affidavits filed for the purpose of this appeal are the following affidavits.

The first affidavit dated 12.5.1991 was affirmed by Ooi Ah Leng which reads:

“SAYA, OO1 AH LENG (K.P. NO. 3257835) yang beralamat di No. 93, Bagan Serai Garden, Bagan Serai, Perak dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku seperti berikut:

1. Saya telah membaca affidavit anak perempuan saya bertarikh 12hb Mei, 1991 dan dengan ini mengesahkan bahawa segala kenyataan-kenyataan dan fakta-fakta yang melibatkan saya bersama-sama dengan Encik Neoh Hong Sang adalah benar berlaku.”

The second affidavit is the affidavit dated on the same date as the above affidavit affirmed by one Nancy Ooi which reads:

“SAYA, NANCY OOI (K.P. NO. 6747381) yang beralamat di No. 93, Bagan Serai Garden, Bagan Serai, Perak dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku seperti berikut:

1. Saya dari pengetahuan sendiri tahu segala fakta-fakta yang dideposkan dalam affidavit ini.
2. Saya telah bermula bekerja dengan Lye Weng Enterprise Sdn. Bhd pada 7hb April, 1990 sebagai Setiausaha kepada Encik Ooi Choon Lye seorang Pengarah Urusan Lye Weng Enterprise Sdn Bhd (kemudiannya dirujuk sebagai Syarikat).
3. Dalam bulan Jun atau Julai 1990 Encik Ooi Choon Lye telah minta saya untuk syorkan seorang pemborong perumahan untuk satu projek di Sungai Petani diatas Lot 8147 Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Negeri Kedah (kemudian dirujuk sebagai projek tersebut).
4. Saya telah hubungi bapa saya Encik Ooi Ah Leng untuk mendapat seorang pemborong.
5. Kemudian bapa saya telah mendapati Encik Neoh Hong Sang dan mereka telah datang berjumpa dengan Encik Ooi Choon Lye dipejabat untuk berunding berkenaan dengan projek tersebut. Pada perjumpaan ini Encik Ooi Choon Lye telah memberi kepada Encik Neoh Hong Sang beberapa pelan untuk membolehkan Encik Neoh Hong Sang memberi “sebut harga” (quotation) bagi projek tersebut. Pada ketika itu Encik Ooi Choon Lye telah memberitahu Encik Neoh Hong Sang bahawa Encik Neoh Hong Sang hanya kehendaki sebut harga untuk pembinaan “building cost and infrastructure work” sahaja.
6. Beberapa hari kemudian bapa saya dan Encik Neoh Hong Sang telah datang berjumpa dengan Encik Ooi Choon Lye dan beri sebut harga. Diperjumpaan ini mereka telah berunding perkara ini lebih lanjut. Encik Neoh Hong Sang membawa sebut harga dalam tulisan Cina. Encik Ooi Choon Lye telah

menterjemahkan tulisan Cina itu ke Bahasa Inggeris dan meminta saya memasoki sebut harga itu dalam komputer.

7. Pada hari kemudiannya Encik Ooi Choon Lye meminta saya untuk menetapkan satu perjumpaan dengan Encik Neoh Hong Sang. Saya telah berbuat demikian. Pada 27hb September, 1990 bapa saya dan Encik Neoh Hong Sang telah datang untuk berjumpa Encik Ooi Choon Lye. Diperjumpaan ini Encik Ooi Choon Lye telah minta Encik Neoh Hong Sang mengurangkan sebut harga itu daripada \$4,580,000.00 ke \$4,550,000.00 iaitu diturunkan sebanyak \$30,000.00. Encik Neoh Hong Sang telah bersetuju untuk mengurangkan sebut harga dengan \$30,000,00 dan harga kontrak telah dipersetujui dengan \$4,550,000.00. Lanjutnya Encik Ooi Choon Lye telah minta bahawa kerja-kerja tambahan dimasoki dalam harga kontrak tersebut dan kerja-kerja tambahan ialah untuk memindah kuil kecil ketempat lain.

8. Kemudian Encik Ooi Choon Lye telah mengarah saya untuk menaipkan persetujuan dan saya telah membuat demikian. Surat tersebut yang mengandungi perjanjian antara Syarikat tersebut dan Encik Neoh Hong Sang telah ditandatangani oleh Encik Neoh Hong Sang pada 27hb September, 1990 apabila saya dan bapa saya hadir dan juga Encik Ooi Choon Lye. Selepas itu Encik Ooi Choon Lye telah meminta saya untuk menandatangani sebagai saksi bahawa Encik Neoh Hong Sang telah bersetuju dan menerima sebut harga untuk projek tersebut. Saya telah tandatangani surat tersebut. Satu salinan surat tersebut dilampirkan dan ditanda "A". Encik Ooi Choon Lye telah kata bahawa selepas Encik Neoh Hong Sang memulakan kerja beliau akan mendapatkan peguam untuk membuat satu perjanjian resmi berkenaan dengan persetujuan tersebut.

9. Kemudian Encik Neoh Hong Sang telah menjalani kerja-kerja kontrak untuk projek tersebut.

10. Selepas kerja-kerja kontrak dijalani oleh Encik Neoh Hong Sang saya tahu bahawa Encik Neoh Hong Sang telah meminta untuk bayaran kemajuan kerja (progress payment) sebanyak dua kali. Encik Neoh Hong Sang telah dibayar

bayaran kemajuan kerja sebanyak dua kali. Selain daripada itu Syarikat tersebut telah membayar wang pendahuluan (advance) sekali kepada Encik Neoh Hong Sang.

11. Saya juga tahu bahawa untuk kesenangan Syarikat tersebut untuk menghubungi Encik Neoh Hong Sang, Encik Ooi Choon Lye telah minta Encik Neoh Hong Sang untuk membeli satu talipon atur (Mobile Telephone) dan Encik Neoh Hong Sang telah membuat demikian. Wang pembelian telah dipotong dari bayaran kemajuan kerja.

12. Saya telah melepaskan kerja Syarikat tersebut dalam bulan Disember, 1990.

13. Saya tahu bahawa Encik Neoh Hong Sang bukan seorang kepala kepada Syarikat tersebut tetapi sebenarnya telah dikontrakkan kerja-kerja kontrak oleh Syarikat tersebut.”

The third affidavit is the affidavit affirmed by the appellant on 20.6.1991

which reads:

“1. Saya adalah pemilik tunggal sebuah firma dikenali sebagai Neoh Hong Sang Contractor. Saya adalah kontraktor dalam bidang pembinaan perumahan dan juga menjalankan kerja-kerja lain. Salinan fotostat pendaftaran perniagaan saya adalah dikembarkan bersama-sama ini dan bertanda ‘A’.

2. Defendan adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia.

3. Pada bulan Ogos 1990, seorang yang bernama Ooi Ah Leng telah bertemu dengan saya dan bertanya samada saya ingin membuat satu kontrak berkenaan dengan pembinaan perumahan. Saya telah menunjukkan minat terhadap kontrak tersebut

4. Dalam bulan Ogos 1990, Ooi Ah Leng memperkenalkan saya dengan seorang pengarah defendan bernama Ooi Choon Lye dan kami membincangkan berkenaan dengan kerja-kerja

kontrak di sebidang tanah yang dikenali sebagai Lot No. 8147 Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah. Saya telah diberi satu plan (layout) yang diluluskan dan defendan meminta saya untuk memberi sebutan harga (quotation) bagi membina 240 unit rumah iaitu 230 unit rumah semi detached dan 10 unit kedai dua tingkat. Salinan fotostat pelan tersebut dikembarkan dan bertanda 'B'.

5. Pada atau disekitar pertengahan bulan September, 1990 saya telah bertemu dengan Ooi Choon Lye di pejabat defendan dan sebutkan harga sebanyak \$4,580,000.00 untuk kerja-kerja tersebut.

6. Pada 27hb September, 1990 defendan telah menawarkan kerja-kerja kontrak tersebut kepada saya untuk harga kontrak sebanyak \$4,550,000.00 setelah memotong \$30,000.00 dari harga sebutan saya. Saya telah bersetuju terhadap pemotongan \$30,000.00 dan menerima kontrak tersebut bagi harga kontrak sebanyak \$4,550,000.00. Satu salinan fotostat surat yang mengesahkan kenyataan ini dan juga yang menjadi bukti perjanjian dikembarkan bersama-sama ini bertanda 'C'.

7. Saya mengatakan bahawa defendan adalah kontraktor utama bagi skim perumahan diatas tanah tersebut dan defendan telah memberi kepada saya kontrak kecil (sub-contract) bagi skim tersebut.

8. Butir-butir kerja yang diberi oleh defendan kepada saya dan yang diterima oleh saya adalah seperti berikut:

To supply material, labour and equipments for the construction and completion of 230 units semi-detached house at \$135,000.00 per unit	\$3,105,000.00
To supply material, labour and equipments for the construction and completion of 10 units shophouse at \$42,000.00 per unit.	420,000.00
To supply material, labour and equipments for the construction of external drainage and water reticulation as per drawings.	210,000.00

To supply material, labour and equipments for the construction and completion of roadworks as per drawings.	370,000.00
To supply material, labour and equipments for the construction of 2 units water storage tanks as per drawings.	415,000.00
Workmen compensation, fire & theft insurance worker's quarter, canteen and store.	30,000.00
	\$4,550,000.00

9. Anak perempuan Ooi Ah Leng yang bernama Nancy Ooi bekerja di syarikat defendan sebagai setiausaha.

10. Pada 27hb September, 1990 apabila persetujuan untuk perjanjian tersebut telah dicapai, defendan telah meminta Nancy Ooi untuk menaip satu surat berkenaan dengan perjanjian lisan tersebut. Encik Ooi Choon Lye telah meminta Nancy Ooi menandatangani surat tersebut. Saya dengan Nancy Ooi telah menandatangani surat tersebut (kemudian daripada ini dirujuk sebagai perjanjian tersebut) pada 27hb September, 1990 di pejabat defendan. Saya mengatakan bahawa Nancy Ooi telah menandatangani perjanjian tersebut bagi pihak defendan sebagai ejen defendan. Bersama-sama ini saya sertakan salinan Afidavit Nancy Ooi (Ekshibit "C1") dan Ooi Ah Leng (Ekshibit "C2") bagi menyokong pernyataan-pernyataan saya.

11. Pada 29hb September, 1990 saya telah memberi kontrak kecil (sub-contract) untuk membina stor, pejabat tapak (site office), kantin serta rumah-rumah pekerja (labourers quarters) kepada kontraktor kecil yang bernama Boo Yan Chuan untuk harga sejumlah \$15,532.00. Satu salinan fotostat surat berkenaan dikembarkan dan bertanda "D"

12. Bahan-bahan pembinaan untuk kerja-kerja yang disebutkan dalam perenggan 11 diatas telah dibeli oleh Boo Yan Chuan. Kontraktor kecil ini juga dilantik untuk

membuat kerja masonry dan pertukangan kayu dan telah dibayar \$18,305.50. Satu salinan fotostat surat berkenaan dikembarkan dan bertanda “E”

13. Saya juga telah menggaji pekerja-pekerja untuk mengecat pejabat dan seorang kerani dan seorang pengawal. Satu salinan fotostat senarai pekerja-pekerja berkenaan adalah dikembarkan dan bertanda “F”

14. Saya juga telah melantik/menggaji beberapa orang kontraktor kecil untuk membuat kerja-kerja berikut:

- (a) Seorang kontraktor kecil yang bernama Hoo Kim Yan untuk membuat batu bata simen dan telah membayarnya wang sejumlah \$7,325.00. Satu salinan fotostat surat berkenaan dikembarkan dan bertanda “G”;
- (b) Seorang kontraktor kecil yang bernama Tan Choon Huat untuk membuat kerja-kerja membengkokkan besi dan membayarnya wang sejumlah \$16,960.00. Satu salinan fotostat surat berkenaan dikembarkan dan bertanda “H”;
- (c) Seorang kontraktor kecil yang bernama Mok Chee Keong untuk membuat kerja-kerja ‘masonry’ dan membayarnya wang berjumlah \$8,500.00. Satu salinan fotostat surat berkenaan dikembarkan dan bertanda “I”;
- (d) seorang kontraktor kecil yang bernama Yong Yaw Men bagi kerja-kerja pertukangan kayu dan membayarnya wang berjumlah \$1,605.00. Satu salinan fotostat surat berkenaan dikembarkan dan bertanda “J”;
- (e) Seorang kontraktor kecil yang bernama Chan Chik Yang untuk kerja-kerja masonry dan pertukangan kayu dan membayarnya

wang sebanyak \$13,550.00. Satu salinan surat berkenaan dikembarkan dan bertanda “K”;

- (f) Seorang kontraktor kecil yang bernama Tan Boon Heng untuk membuat kerja masonry dan membayarnya wang sebanyak \$3,350.00. Satu salinan surat berkenaan dikembarkan dan bertanda “L”;
- (g) Dua orang yang bernama Kong Yoon Ching dan Chong Peng Tong untuk membuat kerja-kerja penggalian (excavation) dan telah membayar gaji harian sebanyak \$4,300.00 dan satu salinan fotostat surat berkenaan dikembarkan dan bertanda “M” dan “N” masing-masing.

15. Pada 1hb November, 1990, saya telah meminta progress payment sebanyak \$82,250.00 daripada defendant. Satu salinan fotostat surat berkenaan dikembarkan dan bertanda “O”. Pada 7hb November, 1990 defendan telah memberi kepada saya cek bertarikh 8hb November, 1990 bagi wang sejumlah \$45,000.00 dan memotong wang sebanyak \$37,250.00 iaitu wang pendahuluan yang dibayar oleh defendan bagi pihak saya kepada pembekal-pembekal bahan pembinaan. Satu salinan fotostat surat berkenaan dikembarkan dan bertanda “P”.

16. Pada 19hb November, 1990 defendan telah memberi wang pendahuluan sebanyak \$20,000.00 kepada saya untuk membolehkan saya membayar gaji kepada pekerja-pekerja. Satu salinan fotostat surat berkenaan dikembarkan dan bertanda “Q1”. Satu salinan fotostat cek yang berkenaan dikembarkan dan bertanda “Q2”.

17. Pada 30hb November, 1990 saya telah meminta progress payment sebanyak \$303,580.00 bagi kerja-kerja yang telah disiapkan. Ini termasuk \$82,250.00 yang disebutkan dalam perenggan 15. Satu salinan fotostat surat berkenaan dikembarkan dan bertanda “R”.

18. Defendan telah membayar wang sebanyak \$68,467.33 pada 10hb Disember, 1990. Defendan telah membuat pemotongan bagi perkara-perkara berikut:

(a)	5% retention	\$ 15,179.00
(b)	Progress payment pertama dan wang pendahuluan	\$ 65,000.00
(c)	Wang Insuran	\$ 8,300.00
(d)	Telefon Atur	\$ 3,233.00
		\$ 91,712.00

Defendan memegang baki wang sebanyak \$143,400.67. Satu salinan cek berkenaan dikembalikan dan bertanda "S".

19. Sehingga 15hb Januari, 1991 saya telah membuat kerja yang berharga sebanyak \$319,260.00. Satu salinan fotostat surat yang menunjukkan kerja-kerja yang telah dibuat sehingga 15hb Januari, 1991 adalah dikembalikan dan bertanda "T". Surat ini tidak dihantar kepada defendan.

20. Walaupun defendan memotong wang sebanyak \$37,250.00 untuk apa yang dikatakan sebagai harga bahan-bahan pembinaan, namun defendan tidak memberi sebarang resit bagi membuktikan perkara ini.

21. Dari harga kerja sebanyak \$319,260.00 saya hanya menerima wang sejumlah \$136,700.33 dan baki wang yang defendan berhutang kepada saya adalah \$182,559.67.

22. Saya mengaku bahawa defendan ada membeli bahan-bahan pembinaan oleh kerana defendan boleh memotong bayaran bagi bahan-bahan tersebut dari wang yang berhutang olehnya kepada saya tetapi saya tidak tahu harga bahan-bahan tersebut dan defendan juga tidak memberitahu saya harga bahan-bahan pembinaan yang telah dibeli olehnya.

23. Saya juga ada membeli bahan-bahan pembinaan untuk kontrak tersebut seperti berikut:

<u>Bulan</u>	<u>Harga Barang-Barang Yang Dibeli</u>
Oktober 1990	\$ 23,512.87
November 1990	\$ 43,424,15
Disember 1990	\$ 14,654-26
	\$ 86,651.28

Satu salinan fotostat penyata-penyata berkenaan dikembarkan dan bertanda “U”.

24. Pada penghujung bulan Disember, 1990 Encik Ooi Choon Lye, seorang pengarah dari syarikat defendan telah membuat laporan palsu yang menudoh bahawa saya hanya seorang kepala dan bahawa saya tidak membuat bayaran-bayaran gaji kepada pekerja-pekerja.

25. Saya telah ditangkap dan ditahan oleh pihak polis selama satu hari. Sehingga sekarang saya belum dituduh di Mahkamah.

26. Defendan juga telah membenarkan ejen-ejen/pekerja-pekerja sendiri untuk masuk ke tapak pembinaan untuk membuat kerja-kerja yang telah dikontrakkan kepada saya.

27. Berbagai jenis barang yang menjadi milikan saya tertinggal di tapak pembinaan tersebut. Mesin-mesin yang berkenaan adalah seperti berikut:

1.	Concrete Mixer 4 Nos. x \$3,600/-	\$ 14,400.00
2.	Bar Bending Cutter Hoe 1 No.	\$ 900.00
3.	Compacter 1 No.	\$ 3,000.00
4.	Robin Engine 1 No.	\$ 700.00
5.	Yamaha Engine 2 Nos.	\$ 1,600.00
6.	Water Pump 1 No.	\$ 400.00
7.	Drain invert mould 15 Nos. x \$50/-	\$ 750.00
8.	Concrete Cork Septic tank 4 Nos. x \$200/-	\$ 800.00

9.	Vibrator 1½” and 1 ¾” 3 Nos. x \$300/-	\$ 900.00
10.	Submersible pump 2 Nos. x \$700/	\$ 1,400.00
	JUMLAH	\$24,850.00

28. Bahan-bahan pembinaan yang sudah berada di tempat kerja (at site) berharga sejumlah \$186,648.50.

29. Saya sanggup, mampu dan sedia mematuhi segala syarat-syarat kontrak tersebut.

30. Sebaliknya pihak defendan telah menentang dan memungkiri perjanjian tersebut.

31. Defendan adalah sebuah syarikat terhad yang tidak mempunyai harta-harta lain sepanjang pengetahuan saya.

32. Saya telah mengalami banyak kerugian akibat daripada kemungkiran perjanjian oleh defendan.

33. Jikalau defendan tidak dilarang dengan injunksi, defendan ingin dan akan terus memecah perjanjian tersebut dan melarang saya dari menjalankan kerja-kerja kontrak yang ditawarkan kepada saya.

34. Melalui peguam saya satu notis telah dihantar kepada defendan. Satu salinan fotostat notis berkenaan dikembarkan dan bertanda “V”.

35. Peguam defendan telah menjawab surat dari peguam saya. Satu salinan fotostat surat tersebut dikembarkan dan bertanda “W”.

36. Dalam keadaan yang demikian, saya memohon untuk mendapatkan injunksi-injunksi terhadap defendan seperti yang dinyatakan dalam permohonan ini. Saya mengaku untuk mematuhi dengan apa-apa perintah yang dibuat oleh Mahkamah tentang gantirugi kiranya Mahkamah berpendapat selepas ini bahawa defendan telah menanggung apa-apa kerugian disebabkan oleh perintah ini yang saya patut membayar.”

Though there are other affidavits being filed by the appellant they are not really relevant for the purpose of the present application. Anyway, perusing those other affidavits it is clear to us that the appellant was not telling the truth. His own affidavit shows that the respondent lodged a police report whereby the appellant stated that he was detained by the police for one day. This took place in December 1990 and at that time the main witness of the appellant, Nancy Ooi, left the respondent as the personal secretary of Ooi Choon Lye. She was charged under s. 193 of the Penal Code. The appellant himself admitted that when he was arrested, the respondent, the agents and the workers of the respondent moved into the site. In other words, the appellant and his purported workers were evicted from the site. Only in July 1991 the appellant applied to the court for injunction to remove and restrain the respondent, its agents, servants and workers from entering the site. In other words, the appellant and his workers had been denied access to the site. That was the reason he applied for injunction and subsequent to that a commitment order against Ooi Choon Lye. The affidavit affirmed by the appellant above shows that the appellant claimed for the payment of several salaries of his workers. These workers affirmed affidavits saying that they had been paid by the appellant as workers of the appellant until the time the affidavits were affirmed that was

sometime in October 1991 and yet until August 1991 the appellant and his workers had been denied access to the site and for that reason the appellant applied for injunction against the respondent. The presence of the respondent and its workers at the work site where construction had been going on was affirmed by the evidence of the appellant's own witnesses by the name of Au Soo Bee and Mat Said bin Omar. Since the respondent had denied the appellant and his workers from entering the site how could the purported workers of the appellant be working on the site and be paid for the works when they were not working at all. Anyway, this piece of evidence is not really relevant for the purpose of this application. I have cited this evidence to show that the appellant and his witnesses are not that truthful.

The learned trial judge allowed the respondent's application and struck off the appellant's Writ and Statement of Claim. In his judgment the learned trial judge said:

“ Dari affidavit yang di failkan oleh kedua-dua pihak adalah jelas perjanjian yang dimaksudkan adalah eksibit OBH2 yang difailkan bersama affidavit Defendan menyokong permohonan Lampiran 163. Melihat kepada eksibit OBH2 jelas ianya tidak;

- a) bertarikh;
- b) ditandatangani oleh mana-mana Pengarah Defendan;
- c) mempunyai tarikh permulaan atau pun tarikh tamat kerja-kerja yang dikatakan;

- d) tidak menamakan mana-mana pihak;
- e) tidak mempunyai pelapi bangunan atau lakaran jurutera atau sebarang spesifikasi.

Dalam penyata pembelaan Defendan menafikan Nancy Ooi menandatangani perjanjian tersebut sebagai ejen Defendan. Defendan juga menafikan bahawa Nancy Ooi yang ketika itu seorang setiausaha percubaan mempunyai sebarang kuasa untuk menandatangani sebarang perjanjian bagi pihak Defendan.

Adalah jelas bahawa Plaintiff hanya bergantung kepada plidingnya bahawa seorang 'ejen' Defendan telah menandatangani perjanjian yang dikata itu bagi pihak Defendan. Menurut Plaintiff, 'ejen' tersebut adalah Nancy Ooi. Sekiranya terbukti bahawa Nancy Ooi tidak menandatangani OBH2 sebagai 'ejen' Defendan, maka tiada satu perjanjian yang mengikat Defendan dan berikutan dari itu tuntutan Plaintiff semestinya akan gagal dan boleh dibatalkan bawah Aturan 18 kaedah 19(1) (b). (Lihat *Pleading Principles and Practice* oleh Jacob and Goldrein (1990) di muka surat 220).

Berhubung perkara ini terdapat keterangan dalam bentuk affidavit yang dikemukakan oleh Plaintiff sendiri yang menunjukkan Nancy Ooi tidak pernah tandatangan OBH2 sebagai ejen kepada Defendan tetapi hanya sekadar seorang saksi.

Di dalam perenggan 8 affidavit Nancy Ooi bertarikh 12.5.1991 (eksibit OBH3) Nancy Ooi memberi keterangan berikut:

'Selepas itu Encik Ooi Choon Lye telah meminta saya untuk menandatangani sebagai saksi bahawa Encik Neoh Hong Sang telah bersetuju dan menerima sebut harga untuk projek tersebut. Saya telah tandatangan surat tersebut'.

Keterangan Nancy Ooi ini adalah jelas bahawa beliau hanya tandatangan sebagai saksi dan bukan ejen Defendan.

Afidavit ini telah difailkan oleh Plaintiff sendiri dan telah diguna dan dibaca dalam tindakan ini. Afidavit ini bertarikh 12.5.1991. Ini bermakna ianya dibuat dalam masa 8 bulan dari tarikh perjanjian dikatakan di tandatangani.

Dalam perenggan 8 afidavit yang sama Nancy Ooi mengesahkan bahawa masa itu bapanya bernama Ooi Ah Leng ada hadir bersama.

Encik Ooi Ah Leng pula pada 12.5.1991, telah mengikrarkan satu afidavit (OBH4) mengesahkan segala kenyataan dan fakta yang telah diikrarkan oleh Nancy Ooi di dalam Afidavitnya bertarikh 12.5.1991 sebagai benar. Afidavit OBH4 ini juga di ikrar dalam masa 8 bulan selepas kejadian dan telah difailkan bagi pihak Plaintiff dan telah diguna dan dibaca dalam tindakan ini oleh Plaintiff.

Kemudian pada 31.10.1991 Nancy Ooi sekali lagi mengikrarkan satu lagi afidavit (eksibit OBH5). Melalui afidavit ini Nancy Ooi berikrar bahawa segala keterangan beliau dalam afidavit dahulu yang telah diikrarkan pada 12.5.1991 adalah benar belaka.

Dari afidavit-afidavit ini jelas bahawa setakat 31.10.1991 pendirian Nancy Ooi bahawa beliau telah menandatangani OBH2 hanya sebagai saksi dan bukan ejen Defendan.

Satu fakta penting yang tidak harus di lupakan adalah semua afidavit ini di peroleh dan di failkan oleh Plaintiff sendiri untuk menyokong kes mereka bukan oleh Defendan. Oleh itu adalah munasabah untuk mendapati bahawa pada setakat 31.10.1991 bukan sekadar pendirian Nancy Ooi semata-mata bahawa dia menandatangani OBH2 sebagai saksi tetapi ia juga merupakan pendirian Plaintiff.

Tambahan pula Nancy Ooi pernah didakwa di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan di hadapan Mahkamah Majistret George Town dalam kes tangkap 83-1379-1991. Nancy Ooi telah memberi percakapan amaran kepada pihak polls (OBH6). Di dalam OBH6 Nancy Ooi telah berkata seperti berikut: 'Saya telah diarahkan untuk turunkan tandatangan saya dalam

Perjanjian tersebut bersama Mr. Neoh yang mana alasan Mr. Neoh adalah saya sebagai saksi.’ Di dalam Percakapan yang sama, Nancy Ooi telah sekali lagi mengesahkan bahawa apa yang telah diikrarkan dalam affidavit beliau bertarikh 12.5.1991 yang sebenarnya berlaku dan benar.

Keterangan ini apabila di lihat bersama OBH2 yang serba kekurangan dari segi butir-butir nama dan kapasiti orang yang menandatangani OBH2 tersebut maka munasabah untuk mendapati Nancy Ooi tidak pernah menandatangani OBH2 sebagai ejen Defendan.

Selain dari itu Nancy Ooi hanyalah setiausaha percubaan kepada pengarah syarikat. Dia bukan Setiausaha Syarikat dan tiada keterangan menunjukkan seksyen 35(5) dan 35(6) Akta Syarikat telah dipatuhi untuk mengikat Defendan dengan apa-apa tindakan yang di buat oleh Nancy Ooi.

Seksyen 35(5) Akta Syarikat berbunyi:

‘A document or proceeding requiring authentication by a company may be signed by an authorized officer of the company and need not be under its common seal’.

Seksyen 35(6) Akta Syarikat berbunyi:

‘A company may by writing under its common seal empower any person either generally or in respect of any specified matters as its agent or attorney to execute deeds on its and a deed signed by such an agent or attorney on behalf of the company and under his seal, or, subject to subsection (8) under the appropriate official seal of the company shall bind the company and have the same effect as if it were under its common seal’.

Berdasarkan alasan di atas saya dapati tiada kontrak bertulis seperti di dakwa antara Plaintiff dan Defendan. Oleh itu kes Plaintiff sudah semestinya akan gagal. Ianya satu tindakan yang frivolous dan vexatious dan boleh dibatalkan di bawah Aturan 18 kaedah 19(1)(b) dan (d).”

Learned counsel for the appellant submitted that it is very important to note that in paragraph 10 of the Statement of Claim the appellant pleads that the oral contract was reduced into writing on the instructions of the respondent. Nancy Ooi was at the material time the secretary of the respondent and therefore an employee and agent of the respondent. We plead that Nancy Ooi was an agent when she signed the agreement as a witness. That, we plead, is the effect in law. In paragraph 9 of the Statement of Defence the respondent admit that Nancy Ooi was a secretary from April to November 1991. The appellant's counsel is contending that the learned judge had made an error in his finding in the above.

We have gone through the pleadings, the affidavits and the documents found in the appeal record. We are of the view that it was not the learned trial judge who was in error but the appellant's counsel. As can be seen from the affidavit of Nancy Ooi herself she stated that she was the secretary to one of the directors of the respondent, ie. Mr. Ooi Choon Lye and not the Secretary of the respondent as claimed by the appellant. There is a distinction between Secretary of the Company and secretary to one of the directors. Secretary of a director is more or less the personal assistant of that particular director. She has no right to attend any of the board of directors meetings or board of management meetings. Even in the absence

of the director with whom she is serving she has no right to attend those meetings. She is only supposed to carry out what works or directions of the director whom she serves. A company secretary is the one named to be the office bearer of the company just like the auditor of the company. He is an officer of the company and is entitled to act for the company in certain matters but not all. A company secretary cannot act without the approval of the board of directors. This is where the appellant was confused.

Looking through the affidavit it is on her own admission that Nancy Ooi was only a temporary personal secretary to the said Mr. Ooi Choon Lye who was one of several directors of the company. For that reason the learned judge came to the correct decision when he stated that the said Nancy Ooi had no authority to sign anything on behalf of the respondent what more to sign an agreement on behalf of the respondent. With that the premise of the appellant's contention that Nancy Ooi signed the agreement on behalf of the respondent have no merit whatsoever.

The appellant also submitted that whatever oral contract was reduced into writing on the instructions of the respondent. The evidence from the various affidavits show that when the appellant went to the office of Mr. Ooi Choon Lye, it was for the purpose of exploring the possibility of getting the

contract to build the said houses at the said place. The said Nancy Ooi must have told him that he must be prepared with the quotations for building those houses. After being informed by the said Nancy Ooi, whose father was staying within the vicinity of the appellant's house, the appellant came with the quotation in Chinese as to the contract. The said Mr. Ooi Choon Lye then translated the Chinese quotation into English and then asked Nancy Ooi who was his personal secretary to type out the English translation. The said Mr. Ooi Choon Lye then asked the said Nancy Ooi to witness the appellant's signature on the English translation of the quotation. The said Nancy Ooi admitted that she signed the said document as a witness and not as a representative of the respondent. This was done so that the quotation could be presented by Mr. Ooi Choon Lye at one of the board of directors meeting. To this there was an admission by the appellant himself that Mr. Ooi Choon Lye told him that there would a formal agreement in writing. In our view, what Mr. Ooi Choon Lye told the appellant is nothing more than if the appellant was successful in his bid to build the houses there would be a formal agreement in writing to be entered by the parties.

It may be true that there was a request by the said Mr. Ooi Choon Lye to reduce the amount in the quotation because Mr. Ooi felt that the quotation by the appellant was rather on the high side and that the appellant would not

be successful in his bid as against other bidders. The respondent, on the other hand, denied such a discussion took place. The appellant mentioned about the quotation in Chinese but this was never produced in court. In our view, the appellant should produce the quotation in Chinese which would confirm his evidence in respect of what had taken place.

Learned counsel for the respondent submitted that the appellant's entire case rests on the allegation that Nancy Ooi signed the alleged agreement as an "agent" of the respondent. The appellant claims that the alleged "agent" is Nancy Ooi. Nancy Ooi clearly did not sign the agreement as the respondent's agent. As such the appellant's claim must fail altogether. This is because without an agreement binding on the respondent, the appellant will have no reasonable cause of action against the respondent for breach of contract. The respondent further submitted that the respondent filed the application to strike out grounded on the appellant's own uncontroverted evidence that will demonstrate that the respondent was not and never a party to the alleged agreement. Firstly, the respondent will rely on the affidavit of Nancy Ooi affirmed on 12.5.1991 and filed in this proceedings. This affidavit is marked as exhibit "OBH-3" to the respondent's Affidavit in Support. In that affidavit at paragraph 8 she averred:

**“Selepas itu Encik Ooi Choon Lye telah meminta saya untuk menandatangani sebagai saksi bahawa Encik Neoh Hong Sang telah bersetuju dan menerima sebut harga untuk projek tersebut. Saya telah tandatangani surat tersebut.”**

The above shows that Nancy Ooi signed the said document as a witness and not as the respondent's agent. This affidavit was filed by the appellant and was referred to and read by the appellant in the present proceedings. This affidavit was affirmed only eight months after the date of the alleged documents was said to have been signed. Secondly, the said Nancy Ooi affirmed another affidavit on 30.10.1991. In that affidavit she affirmed that all the statements given by her in her previous affidavit affirmed on 12.5.1991 are true and accurate. Thirdly, in a cautioned statement dated 5.12.1991 given to the police, Nancy Ooi said:

**“Saya telah diarahkan untuk turunkan tandatangan saya dalam Perjanjian tersebut bersama Mr. Neoh yang mana alasan Mr. Ooi adalah saya sebagai saksinya.”**

In the same cautioned statement she reaffirmed that the statements she made in the affidavit dated 12.5.1991 are true and accurate.

We observe that the appellant is relying on the evidence of the said Nancy Ooi that there was a contract. As we had observed earlier the appellant's case is that there is a written contract signed by the appellant and

Nancy Ooi as agent of the respondent. Nancy Ooi herself had given evidence that she signed the said document only as a witness and not as an agent of the respondent. In other words, the appellant claimed that Nancy Ooi was the agent of the respondent whereas the said Nancy Ooi, the main witness of the appellant, admitted that she signed that document not as an agent but as a witness only. With that the subject matter of the appellant's claim in the present appeal is gone.

### ***DELAY IN MAKING THE APPLICATION***

The appellant's counsel submitted that the filing of Enclosure 163 on 27.2.2006 which is nearly 15 years after the filing of the Writ is an utter abuse of the process of the court and the delay is most inexcusable and inordinate. Further, no proper or valid explanation, which is acceptable in law, was advanced by the respondent as to why there was such a delay in filing Enclosure 163 when there was nothing to prevent the respondent from doing so earlier. He cited the case of *Ho Yoke Kwei & Anor v. Ong Eng Hin* [1997] 4 MLJ 292 and *Jamir Hassan v. Kang Min* [1992] 2 MLJ 46. The appellant went on to submit not only was the case set down for hearing but also several dates of hearing of the suit proper had been fixed on the following dates: 16.3.2000, 29.11.2000, 2 - 3.10.2001, 23 - 25.6.2003. The

respondent applied for the evidence of Mr. Ooi Choon Lye to be taken in his house which application was allowed on 10.2.2006. It is obvious that the respondent took various fresh steps in the action towards a trial proper. Further, at the hearing on 10.2.2006, Encik Ghazi Ishak told his Lordship that case management of this case was already done by the previous judge. The appellant has filed two documents on 10.12.2003.

The respondent submitted that the cause of the delay was because the appellant and two of his main witnesses in this proceedings were charged in a criminal proceeding under section 193 of the Penal Code. The two main witnesses were Nancy Ooi and her father, Ooi Ah Leng. Both Nancy Ooi and her father were charged for giving false evidence in the affidavits filed in this civil proceedings. The court's records will show that both the appellant and the respondent had informed the court of the ongoing criminal proceedings at that time. The learned judge took judicial notice of the record before him. The criminal proceedings against Ooi Ah Leng, Neoh Hong Sang (the appellant here) and Nancy Ooi was filed as Case Nos. 83-1378-91, 83-1379-91 and 83-1380-91 which concluded in the Magistrate's Court. All three accused were convicted and sentenced under section 193 of the Penal Code after a joint trial on 13.3.2004 and were sentenced to one year imprisonment. All three accused appealed against the decision to the

High Court and the High Court allowed their appeals on 27.5.2005. Whilst the criminal proceedings were afoot in the Magistrate's Court, all original documents to be used in this civil proceedings were produced and used in the criminal proceedings. These proceedings were adjourned a few times on this ground.

The learned judge in his judgment in respect of the delay said:

“ Walaupun tarikh bicara ada ditetapkan beberapa kali tetapi perbicaraan tidak dapat diteruskan. Ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh terdapatnya kes jenayah terhadap Ooi Ah Leng, Neoh Hong Sang (Plaintif di sini) dan Nancy Ooi. Kes telah didaftarkan sebagai Kes No: 83-1378-91, 83-1379-91 dan 83-1380-91. Kes ini telah berlangsung di Mahkamah Majistret. Ketiga-tiga tertuduh telah disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 193 Kanun Keseksan dan dihukum dengan 1 tahun penjara pada 13.3.2004. Ketiga-tiga tertuduh telah merayu terhadap keputusan tersebut. Pada 27.5.2005 Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan mereka.

Pada akhirnya, setelah kes jenayah selesai, atas permohonan Plaintif kes ditetapkan semula untuk pengurusan kes di depan Timbalan Pendaftar. Sementara itu Defendan fail permohonan ini pada 27.2.2006 iaitu 7 bulan sebelum kes ditetapkan untuk pengurusan kes.

Melihat kepada latar belakang kes ini, walaupun permohonan untuk membatalkan tuntutan dibuat hamper 15 tahun selepas tarikh writ difailkan tetapi ianya sebelum pengurusan kes bawah Aturan 34 dibuat. Oleh itu saya tidak lihat bagaimana Plaintif boleh di prejudis dengan kelewatan Defendan membuat permohonan ini.

Satu perkara yang tidak diambil kira oleh Timbalan Pendaftar bijaksana dalam menimbang isu prejudis ini adalah

fakta bahawa Defendan sebenarnya pihak yang di prejudis kerana terpaksa dibebankan dengan satu tindakan yang tidak berkesudahan untuk tempoh selama hamper 15 tahun.

Walau apa pun Aturan 18 kaedah 19(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1990 dengan jelas memperuntukkan Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding memerintahkan supaya dibatalkan mana-mana pliding. Perkataan “pada mana-mana peringkat prosiding” harus ditafsirkan mengikut ‘the literal rule of interpretation’. Dengan mencadangkan bahawa terdapat had/limitasi masa untuk memfailkan sesuatu permohonan di bawah Aturan 18 kaedah 19(1) adalah serupa dengan meminda peruntukan asal. Ini tidak dibenarkan.

Di dalam kes *Board of Trustees of Sabah Foundation v. Datuk Syed Kechik Ahmad* [1997] 4 MLJ p.554 Yang Arif Ian Chin telah memutuskan bahawa **“an application to strike out may be made at any time, even after the case had been set down for trial. Order 18 r 19 of the RHC 1980 contained no limitation as to when the application might be made and therefore the court should give the rule its plain and ordinary meaning and not read into it words limiting when an application might be made.”**

Tambahan lagi dalam *The Supreme Court Practice 1997* (the white book) disebut: **“The application may be made even after the pleadings are closed (per Brett MR Tucker v Collinson (1886) 34 WR 354, or the trial set down (Goymer v Central Wheelbase Ltd Times 1 April 1993 (CA) though it should not be heard at the opening of the trial, save in exceptional circumstances (Halliday v Shoemith (1993) 1 WLRI (CA).**

Berdasarkan alasan di atas saya dapati berdasarkan fakta kes ini ‘kelewatan’ Defendan memfailkan permohonan lampiran 163 tidak membawa apa-apa prejudis kepada Plaintiff. Oleh itu ianya tidak boleh dijadikan alasan untuk menolak permohonan Defendan untuk membatalkan tuntutan Plaintiff.”

The issue whether to allow an application or not to allow it on the ground of delay is, in our view, a matter of discretion by the learned judge of the High Court. We will not interfere with his discretion unless it could be shown the exercise of that discretion prejudices one of the parties. The learned judge had explained in his grounds of judgment as to why he exercised his discretion in allowing the application of the respondent under O 18 r 19 of the RHC. There is nothing to show that he had exercised it wrongly.

In *Board of Trustees of the Sabah Foundation v. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed & Anor and another application* [1997] 4 MLJ 553, on 22.2.1979, two writs were taken out, namely the *Zara* suit and the *Banita* suit. Seventeen years later, on 21 February 1997, the defendants in the two suits took out two separate applications to have the suits struck out under O 18 r 19 of the Rules of the High Court 1980 (“the RHC 1980”) or under the inherent jurisdiction of the High Court, after the court had fixed the two suits for trial. It was contended that there was inordinate and inexcusable delay on the part of the plaintiffs in the conduct of the case. It was apparent from the facts that the plaintiffs’ solicitors had written 17 letters requesting for the summons to be refixed for hearing. However, not a single acknowledgement was sent from the High Court Registry. The

plaintiffs' solicitors on their part also did nothing from 26 April 1986 to 21 June 1995. Counsel for the defendants argued that this inactivity showed the disinterest of the plaintiffs or their solicitors in the actions and submitted that there was a new ground, namely 'general disinterest', which the court could rely on for striking out. It was held by the court that an application to strike out may be made at any time, even after the case had been set down for trial. Order 18 r 19 of the RHC 1980 contained no limitation as to when an application might be made and the court therefore should give the rule its plain and ordinary meaning and not read into it words limiting when an application might be made.

We see no merits in the contention of the appellant in this instant appeal and for that reason we find that the learned judge was correct in his decision. The appeal is hereby dismissed with costs. The deposit is to the account of taxed costs.

Dated: 17 September 2007

(Datuk Haji Mokhtar bin Haji Sidin)  
Judge  
Court of Appeal, Malaysia

For the appellant:

Counsel: Mr. Gurbachan Singh.

Solicitors: Messrs. Bachan & Kartar  
No. 31, Jalan Dato Maharajalela  
30000 Ipoh.

For the respondent:

Counsel: Dato' Ghazi Ishak, Mr. B. Jeyasingam and Mr. G. Rajasingam.

Solicitors: Messrs. Ghazi & Lim  
19<sup>th</sup> Floor, Plaza MWE  
No. 8 Lebuh Farquhar  
10200 Pulau Pinang.